**Pelaburan modal insan**
MS 14 & 15




**Jom ke Pesta!**
MS 23



DISEMBER 16-31, 2018
PERCUMA
BULETIN MUTIARA
BERSATU DAN SETIA
www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Micron labur RM1.5 bilion

## jangka tawar 1,000 peluang pekerjaan bernilai tinggi

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN** - *Micron Technology Incorporated* (Micron) yang disenaraikan dalam kalangan syarikat Fortune 500 berpangkalan di Amerika Syarikat mengumumkan pelaburan berjumlah RM1.5 bilion (AS$357 juta) di Batu Kawan bagi tempoh lima tahun akan datang untuk pembangunan fasiliti baharu pemasangan perangkat penyimpan data (SSD).

Upacara pecah tanah dekat tapak berkeluasan 20.8 hektar di Taman Perindustrian Batu Kawan, Seberang Perai Selatan (SPS) berkaitan dijangka pada separuh pertama tahun hadapan (jangkaan Januari 2019), dan bakal memulakan operasi dalam tempoh dua tahun selepas itu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, pembangunan fasiliti baharu itu akan merancakkan pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang terutama dalam sektor elektrik dan elektronik.

"Malah dengan adanya fasiliti baharu bagi pemasangan SSD yang bakal beroperasi di Batu Kawan pada (tahun) 2021 nanti, dijangkakan 1,000 peluang pekerjaan bernilai tinggi akan ditawarkan.

"(Dan) bagi pihak Kerajaan Negeri, saya mengalu-alukan Micron menjadi sebahagian daripada keluarga besar di Pulau Pinang yang akan memperkukuhkan lagi kedudukan negeri ini sebagai Lembah Silikon Asia.

"Sebagai ahli keluarga, Kerajaan Negeri memberi jaminan kepada Micron berhubung sokongan dan komitmen untuk membantu pertumbuhan berterusan di sini," ujarnya di sini pada 30 November lalu.

Kon Yeow berkata demikian pada upacara menandatangani dokumen persetujuan pelaburan dan pengembangan antara Micron Memory (M) Sdn. Bhd. yang diwakili Naib Presiden Kanan (Operasi) Micron Technology Incorporated, Gursharan Singh dan bagi pihak Kerajaan Negeri diwakili Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Dato' Rosli Jaafar.

Hadir sama, barisan Exco Kerajaan Negeri; Penasihat Khas (Pelaburan) kepada Ketua Menteri, Dato' Seri Lee Kah Choon yang juga Pengarah investPenang; Ketua Pegawai Eksekutif investPenang, Dato' Loo Lee Lian serta wakil Micron Technology Incorporated dari Malaysia dan Singapura.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi memaklumkan bahawa pada tahun lalu, Pulau Pinang mencatatkan aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) tertinggi berbanding negeri-negeri lain di Malaysia dengan nilai RM8.5 bilion yang diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bagi sektor pembuatan.



**ROSLI Jaafar (empat dari kiri) dan Gursharan Singh (empat dari kanan) bertukar-tukar dokumen sambil disaksikan Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri selepas selesai upacara menandatangani dokumen persetujuan pelaburan dan pengembangan syarikat antara pihak-pihak berkaitan di sini baru-baru ini.**

"Pulau Pinang juga merupakan penerima pelaburan kedua terbesar dalam kalangan negeri-negeri lain dengan jumlah RM10.8 bilion.

"Daripada jumlah pelaburan RM72 bilion yang diluluskan sejak 2008 hingga bulan Jun tahun ini (2018), RM14.4 bilion atau 30 peratus adalah daripada pelabur Amerika Syarikat yang juga menjadi penyumbang FDI terbesar terhadap pertumbuhan ekonomi di negeri ini," katanya sambil menzahirkan ucapan syabas dan tahniah kepada Micron kerana memilih Pulau Pinang sebagai destinasi pengembangan fasiliti baharu syarikat berkaitan.

Dalam pada itu, Gursharan menyatakan bahawa pemilihan Pulau Pinang sebagai lokasi pengembangan syarikat itu adalah ekoran negeri ini diiktiraf sebagai pusat kecemerlangan untuk produk semikonduktor dan penyimpanan.

"Pulau Pinang menawarkan banyak kelebihan termasuk rantaian bekalan berkualiti tinggi bagi sektor elektronik, logistik, infrastruktur pengilangan mapan, persekitaran perniagaan kondusif serta akses kepada modal insan berprestasi tinggi dan sokongan kerajaan yang kukuh.

"Pelebaran sayap Micron di Pulau Pinang ini adalah sejajar dengan strategi syarikat untuk membina model kapasiti global berskala besar, tangkas serta kukuh dari segi kedudukannya.

"(Dan) pemilihan Pulau Pinang untuk membangunkan fasiliti baharu SSD bakal meningkatkan lagi potensi NAND *Center of Excellence* kami (Micron) di Asia Tenggara dengan memastikan tumpuan berterusan diberikan terhadap perkhidmatan pelanggan yang lebih baik serta menarik dan mengekalkan modal insan berkualiti tinggi," jelasnya yang yakin dengan kelancaran pengoperasian fasiliti SSD di negeri ini.

Difahamkan, fasiliti baharu Micron di Taman Perindustrian Batu Kawan akan menghasilkan perangkat memori simpanan dan peranti memori tidak meruap *(3D XPoint technology)*.

Sebagai peneraju penyelesaian dan penyimpanan memori inovatif global, *Micron Technology Incorporated* menawarkan portfolio luas melalui jenama global *Micron*, *Crucial* dan *Ballistix* menjadikan pihak tersebut sebagai satu-satunya syarikat yang mengeluarkan memori utama teknologi penyimpanan kini.

Micron, yang mempunyai pengalaman dalam penghasilan peranti memori capaian rawak dinamik (DRAM), NAND, NOR dan teknologi 3D XPoint mempunyai kira-kira 34,000 pekerja di 17 negara seluruh dunia.

# Terus eratkan silaturahim demi menjamin keamanan yang telah dikecapi sekian lama

**GEORGE TOWN -** Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff menyertai Majlis Sambutan Rumah Terbuka Deepavali Peringkat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2018 dekat Fort Cornwallis di sini.

Ketika berucap, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap 'Cahaya Deepavali' terus menyinari komuniti beragama Hindu di negeri ini.

"Saya juga menyeru masyarakat berbilang bangsa di Pulau Pinang agar terus mengeratkan silaturahim dan persefahaman sesama kita, demi menjamin keamanan yang telah kita kecapi sekian lama," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong dalam majlis berkaitan pada 23 November 2018.

Kon Yeow memberitahu bahawa pentadbirannya menyedari kekangan kewangan yang melanda Kerajaan Pusat, namun Kerajaan Negeri akan mengambil pendekatan lebih agresif untuk mendapatkan peruntukan Persekutuan sebaik mungkin.

"Buat masa ini, Kerajaan Negeri akan mengamalkan corak pentadbiran berdikari di samping terus menekankan pelaksanaan projek-projek pembangunan melalui konsep 4P iaitu *'Public, Private, People & Professional Partnership*,'' jelasnya sambil menyatakan komitmen untuk menunaikan 68 Janji dalam Manifesto Pakatan Harapan Pulau Pinang sempena pilihan raya umum lalu.



**DR. Abdul Rahman Abbas dan isteri sambil diiringi Ketua Menteri dan Prof. Dr. P. Ramasamy pada Majlis Sambutan Rumah Terbuka Deepavali Peringkat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2018 di sini baru-baru ini.**

Beliau yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi menyatakan bahawa SPICE, The Habitat, Perpustakaan Digital Pulau Pinang, Pusat Pembelajaran Karpal Singh, @CAT Center, Kluster Sains Pulau Pinang, Tech Dome Pulau Pinang merupakan antara contoh projek pembangunan yang berjaya melalui model 4P.

Sebelum itu, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy berkata, penubuhan Muzium Warisan India dekat Kompleks Pejabat Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang di Jalan Macalister kini kian mendapat sambutan pengunjung tempatan serta pelancong asing.

Tambah beliau, muzium pertama seumpama itu di tanah air telah menambah satu lagi koleksi produk pelancongan yang menarik dekat Pulau Pinang.

Beberapa Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, beberapa Konsulat, Ketua-ketua Jabatan antara tetamu kehormat utama yang hadir pada majlis keraian itu.

Nyanyian lagu pelbagai genre dan tarian kebudayaan majmuk antara acara menarik pada majlis keraian berkaitan, selain tetamu dihidangkan dengan juadah-juadah enak.

# Kerajaan Negeri akan senantiasa beri galakan, sokongan terhadap aktiviti sukan dan belia

**PULAU TIKUS -** Buat julung kalinya, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang menganjurkan Fiesta Sukan Pulau Pinang 2018 selama sembilan hari sehingga 2 Disember 2018.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, penganjuran pesta tersebut akan menggalakkan lagi rakyat bergiat aktif dalam sukan serta menyemarak gaya hidup lebih sihat di negeri ini.

"Pesta Sains Antarabangsa Pulau Pinang yang dianjurkan beberapa tahun dahulu pun mulanya kecil seperti ini, tetapi pada hari penganjuran sekarang telah menerima ribuan pengunjung di SPICE.

"Seperti Fiesta Sukan Pulau Pinang yang buat julung-julung kalinya diadakan pada hari ini, biarlah ia mula secara kecil, saya percaya ia akan menjadi satu lagi program negeri besar yang bakal dianjurkan di SPICE juga suatu hari nanti.

"Saya berpendapat bahawa acara ini sedikit sebanyak mampu memberi suatu impak yang sangat berkesan kepada penglibatan orang ramai di negeri ini yang masih belum melibatkan diri dalam aktiviti bersukan untuk memulakan program kesukanan dan seterusnya menjadikan ia sebagai suatu budaya hidup.

"Kerajaan Negeri akan senantiasa memberi galakan serta sokongan terhadap apa jua jenis aktiviti yang berkaitan dengan sukan dan belia," jelasnya lalu merasmikan penganjuran Fiesta Sukan Pulau Pinang di sini pada 24 November 2018.

Kon Yeow dalam pada itu turut merakamkan penghargaan kepada Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee atas kejayaan mencetuskan idea menganjurkan pesta tersebut dengan menghimpunkan pelbagai pemain industri pengeluaran jenama aksesori sukan seperti *Nike, Li-Ning, Puma, Baiefeind, Mcdavid* dan sebagainya dengan harga yang berpatutan.

Sebelum itu, Lip Chee yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal turut menyampaikan ucapan.

Menurut beliau, pihaknya melalui Majlis Sukan Negeri (MSN) memang sedang mencari jurulatih untuk melatih atlet negeri dalam beberapa arena seperti sukan karate.

Justeru, Lip Chee berharap mereka yang berkenaan boleh menghantar *resume* di pejabat Exco, Komtar atau menulis surat langsung kepada MSN Pulau Pinang.

Serentak itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada MSN, Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC); Sunlight Sdn. Bhd. dan *Gurney Paragon Mall* atas penganjuran bersama pesta pada kali ini.

ADUN Sungai Bakap merangkap Presiden Persatuan Bola Sepak Pulau (FAP), Dr. Amar Pritpal Abdullah; Ong Ah Teong (ADUN Batu Lancang); Joseph Ng Soon Siang (ADUN Air Itam); A. Kumaresan (ADUN Batu Uban); Frederick Tan Teck An (Pengarah MSN Pulau Pinang) dan Ketua Pegawai Eksekutif PYDC, Teng Kok Liang antara pemimpin Kerajaan Negeri yang hadir.

Turut serta, Pengasas & Penasihat Eksekutif Kumpulan Hunza, Datuk Seri Khor Teng Tong; Pengarah Urusan Kumpulan Hunza, Datuk Khor Siang Gin dan Pengurus Besar Sunlight Galaxy Sdn. Bhd., Simon Soh.

Selain persembahan ekstrem di pentas utama, para pengunjung turut berpeluang bertemu dan saling berinteraksi dengan jurulatih serta atlet-atlet negeri yang menyertai kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) di Perak baru-baru ini.



# TNC USM dipilih sebagai Tokoh Maulidur Rasul Pulau Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADUN**

**PULAU BETONG -** Timbalan Naib Canselor (TNC) Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed diumum sebagai Tokoh Maulidur Rasul Pulau Pinang sempena Sambutan Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W. Peringkat Negeri pada 20 November 2018.

Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas yang menyampaikan anugerah itu kepada Abdul Rahman, 54.

Turut menyaksikan, Timbalan Ketua Menteri I, Dato Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail; ADUN Teluk Bahang, Zolkifly Md. Lazim; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Abdul Malik Abul Kassim serta Setiausaha MAINPP, Zulkifli Long.

Bercakap kepada pemberita, Abdul Rahman melahirkan rasa terharu dan bersyukur atas pemberian anugerah itu.

Dengan penerimaan anugerah itu, menurutnya, bakal membakar lagi semangat diri dalam melaksanakan projek penyelidikan untuk masyarakat terutama membabitkan golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40).

"Inilah sebahagian cara saya untuk pulangkan kepada masyarakat sebab saya berasa sangat bertuah diberi peluang untuk belajar dan menjalankan penyelidikan bagi membantu golongan B40 untuk mengubah nasib mereka," katanya dalam majlis yang berlangsung dekat Politeknik Balik Pulau di sini.

Abdul Rahman dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi sejak



**PASUKAN perbarisan Bomba yang dinobatkan sebagai kontinjen terbaik.**

1 Mei lalu.

Beliau dipilih sebagai Tokoh Maulidur Rasul kali ini atas sumbangannya sebagai penyelidik dan saintis terkenal yang menerima lebih 80 geran antarabangsa bernilai lebih RM18 juta; menghasilkan pelbagai penerbitan termasuk dalam pangkalan data Scopus *(Scopus bibliographic database)* serta ratusan kertas penyelidikan dalam pelbagai jurnal akademik terkemuka dunia di samping mempunyai jaringan akademik profesional daripada pelbagai negara dunia termasuk di Jepun dan Perancis.

Selain Abdul Rahman, turut menerima anugerah pada majlis itu ialah Datuk Dr. Mustafa Kassim bagi Anugerah Qudwatur Rasul – Pendidikan dan Khairol Fitri Kiraman bagi Anugerah Qudwatur Rasul - Kemasyarakatan.

Dalam pada itu, Polis Bantuan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Zaidi Salleh telah dikurniakan Anugerah Khas Qudwatur Rasul Khas, manakala pemilik rangkaian restoran Nasi Kandar Nasmir, Datuk Kadhar Abdul Razak telah menerima



**DR. Abdul Rahman Abbas (tengah) diiringi Ir. Ahmad Zakiyyudin Abdul Rahman (dua dari kiri), Farizan Darus (dua dari kanan) dan Zulkifli Long (kiri sekali) menyampaikan sijil anugerah Tokoh Maulidur Rasul Pulau Pinang kepada Prof. Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed dalam Majlis Sambutan Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W. Peringkat Negeri di sini baru-baru ini.**

Anugerah Qudwatur Rasul - Keusahawanan.

Terdahulu, TYT menyaksikan perarakan sempena sambutan Maulidur Rasul dari sekolah agama bantuan negeri (SABN) Maahad Al-Mashoor Al-Islami ke Politeknik Balik Pulau, sejauh hampir satu kilometer (km).

Seawal 7.30 pagi, kira-kira 2,700 peserta daripada 56 kontinjen pelbagai jabatan dan agensi mengambil bahagian dalam perarakan itu.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Bomba) negeri diumum sebagai kontinjen terbaik dalam perarakan tersebut.



**PASUKAN Polis Diraja Malaysia yang turut mengambil bahagian.**

## ADUN harap sambutan Maulidur Rasul diteruskan dengan skala lebih besar, meriah

**SERI DELIMA –** Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seri Delima tahun ini disifatkan sebagai sambutan terbesar yang pernah diadakan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)nya, Syerleena Abdul Rashid berkata, sambutan pada tahun ini adalah lebih harmoni dengan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang dan fahaman.

"Tahun ini, sambutan yang dikoordinasikan oleh Masjid Jamek Sungai Gelugor menerima sambutan menggalakkan dengan kira-kira 400 peserta mengambil bahagian berarak sejauh 500 meter dari padang Koperasi Sungai Gelugor sehingga ke masjid ini.

"Saya berharap sambutan seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan dengan skala yang lebih besar dan meriah," katanya





**SEBAHAGIAN pasukan yang mengambil bahagian.**

pada majlis sambutan berkaitan di sini 20 November lalu.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Gelugor, Merasik Jabbar; Pengerusi Masjid Jamek Sungai Gelugor, Mohd. Ali Mohd. Yusof dan Timbalan Pengerusi Masjid Jamek Sungai Gelugor; Mhd Nasir Yahya.

Selain perarakan 20 kontinjen membabitkan penyertaan badan bukan kerajaan (NGO), sekolah-sekolah sekitar Sungai Gelugor, sambutan turut dimeriahkan dengan jamuan makan, program keagamaan dan konvoi amal bermotosikal.



**SYERLEENA Abdul Rashid merakam gambar kenangan bersama-sama barisan penganjur dan para peserta pada Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat KADUN Seri Delima dengan berlatarbelakangkan Masjid Jamek Sungai Gelugor di sini baru-baru ini.**

# ‘The Orange Challenge’, inisiatif tangani gangguan seksual

Teks & Gambar : **SUNARTI YUSOFF**

**SEBERANG JAYA –** Penganjuran *‘The Orange Challenge’* merupakan satu inisiatif dilancarkan Kerajaan Negeri di bawah Program Penang Goes Orange (PGO) dalam usaha mempromosikan kempen ‘Hentikan Gangguan Seksual’ di negara ini.

Kira-kira 1,000 umum yang terdiri daripada pelbagai gender, peringkat umur menyertai program berkenaan yang berlangsung dekat Taman Burung Pulau Pinang (atau *Penang Bird Park*) di sini pada 24 November lalu.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng dalam ucapannya berkata, penganjuran program berkenaan bermatlamat memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai gangguan seksual serta cara menanganinya.

“Gangguan seksual bukan terletak pada faktor jantina semata-mata, tetapi dasarnya berpunca daripada kuasa yang ada pada seseorang secara kebiasaannya sinonim dengan golongan lelaki.

“Bagaimanapun, ketika ini sukar bagi mangsa gangguan seksual untuk tampil ke depan kerana tidak ada satu akta khusus untuk melindungi mereka dan proses yang ada masa ini adalah sangat rumit serta tidak jelas.

“Oleh itu, satu akta mengenai gangguan seksual wajar digubal dengan kadar segera oleh pihak kerajaan (Pusat) bagi memberikan keadilan kepada mangsa dengan mengheret pelaku ke mahkamah,” ucapnya pada majlis perasmian program berkaitan.

Turut berucap sebelum itu, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; Pengarah Penang Bird Park, Dr. Gino Ooi dan ramai lagi.



**CHONG Eng, kepimpinan Kerajaan Negeri, barisan penganjur dan para peserta menunjukkan tanda sokongan berhubung penganjuran *‘The Orange Challenge’* di bawah PGO baru-baru ini.**

Mengulas lanjut, Chong Eng yang juga ADUN Padang Lalang menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri juga menerbitkan sebuah buku berjudul *‘Body Safety Education’* yang akan diedarkan secara percuma kepada ibu bapa yang ingin mengetahui bentuk-bentuk gangguan seksual yang sering berlaku dalam masyarakat hari ini.

“Kita (Kerajaan Negeri) mahu setiap keluarga di negeri ini memiliki satu buku ini supaya ibu bapa tahu mengenai gangguan seksual dan menerangkannya kepada anak-anak,” jelasnya.

Selain larian ria, program tersebut juga dimeriahkan dengan pertunjukan burung serta pameran berkaitan kempen hentikan keganasan rumah tangga.

## Persidangan Kebangsaan Pendidikan Tamil, 11 resolusi berjaya dicapai

**SEBERANG JAYA –** Kerajaan Negeri dengan kerjasama *Penang Society for Advancement of Tamil* (PSAT) buat julung kalinya menganjurkan Persidangan Kebangsaan Pendidikan Tamil di Malaysia di sini pada 26 dan 27 November lalu.

Delegasi persidangan terdiri daripada Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Pegawai Kanan Kementerian Pendidikan Malaysia, Pegawai Kanan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, pensyarah, pengetua, guru, mahasiswa, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta orang awam.

Menurut Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, objektif utama persidangan adalah untuk menilai secara kritikal mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pendidikan Tamil di negara ini dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0.

“Selepas 60 tahun merdeka, sekolah Tamil semakin berkurangan iaitu daripada 888 buah kepada 524 (buah) kini yang mana keadaan ini telah memberi impak kepada pendidikan masyarakat India.

“Oleh itu, sudah tiba masanya untuk kita meneliti dan menilai sejauh mana pembelajaran serta pendidikan Tamil di sekolah mencerminkan hak kebebasan rakyat untuk mempelajari dan menghayati bahasa ibunda masing-masing.

“Hal ini juga adalah selaras dengan hasrat kerajaan Pakatan Harapan yang mahu memberi peluang kepada bahasa ibunda rakyat di negara ini untuk diperkasa di samping menghormati bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan,” jelasnya yang merupakan Penasihat Persidangan berkaitan.

Antara yang hadir, ADUN Bagan Dalam merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, M. Satees; A. Kumaresan (ADUN Batu Uban); Exco Hal Ehwal Masyarakat India Negeri Kedah, R. Summugam dan Ahli Parlimen Batu Gajah, V. Sivakumar.

Dalam pada itu, sebanyak 11 resolusi mengenai pemerkasaan pendidikan Tamil di negara ini berjaya dicapai pada hari terakhir persidangan.

Jelas Ramasamy, perkara paling penting mengenai resolusi tersebut adalah untuk melantik lebih ramai pegawai berketurunan India di semua peringkat termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan-Jabatan Pendidikan Negeri serta Pejabat-Pejabat Pendidikan Daerah yang akan mewakili dan memberi tumpuan kepada keperluan serta kepentingan pendidikan Tamil di negara ini.

“Justeru, saya akan mengadakan pertemuan dengan Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik untuk menyampaikan resolusi-resolusi yang telah dicapai ini.

“Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam persidangan dan memberikan pelbagai idea bagi meningkatkan mutu pendidikan Tamil di Malaysia,” katanya yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi & Inovasi pada majlis penutupan persidangan berkaitan.

Difahamkan, antara resolusi lain yang diluluskan secara sebulat suara adalah cadangan untuk mewujudkan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di kawasan mempunyai kepadatan penduduk India yang tinggi, mewujudkan jawatan Timbalan Menteri Pendidikan dengan melantik wakil rakyat berketurunan India serta menempatkan lebih ramai pegawai berketurunan India di peringkat kementerian.

Bagi menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0, perwakilan turut mencadangkan agar pendidikan Tamil harus menumpukan kepada pembentukan kurikulum yang mampu melahirkan pelajar-pelajar berkemahiran serta nilai modal insan berprestasi tinggi pada masa hadapan dengan memperkenalkan pendekatan baru merangkumi pendidikan formal dan tidak formal melalui penggunaan aplikasi teknologi terkini.

Selain itu, sejajar dengan manifesto Pakatan Harapan, resolusi berkaitan peruntukan Kerajaan Persekutuan bagi menubuhkan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil dan mewujudkan tadika Tamil di semua SJKT dengan menyalurkan bantuan penuh tahunan selain pengagihan peruntukan kepada SJKT dilaksanakan dengan cara yang telus turut disuarakan oleh perwakilan.

Tiga lagi resolusi lain adalah pengajaran kelas bahasa Tamil di sekolah kebangsaan (rendah dan menengah) diperluas, menyediakan guru-guru terlatih yang mencukupi bagi SJKT dan penubuhan Jawatankuasa Kebangsaan Pembangunan Pendidikan Tamil di peringkat Pusat.

Dalam pada itu, Ketua Komunikasi Korporat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Dr. G. Manimaran menyatakan bahawa Kerajaan Pusat melalui KPM akan terus membantu meningkatkan kualiti pendidikan sekolah Tamil dan keseluruhan sistem pendidikan negara.

“Dalam era Malaysia baharu, pendidikan Tamil akan mendapat sokongan padu daripada Kementerian Pendidikan dan kerajaan bagi mengharungi keperluan dan cabaran.

“Saya juga dimaklumkan jawatankuasa Ahli-Ahli Parlimen dan ADUN kaum India telah menubuhkan jawatankuasa kecil khas yang terdiri daripada lapan ahli untuk mengurus dan mengendalikan kesemua isu berhubung pendidikan Tamil di negara ini,” ujarnya.

## Malaysia nombor satu dari segi peningkatan FDI dalam kalangan negara membangun - Guan Eng

**AIR ITAM -** Menteri Kewangan, Lim Guan Eng memberitahu bahawa Malaysia kini berada di kedudukan pertama dari segi peningkatan jumlah pelaburan langsung asing (FDI) berbanding negara-negara membangun lain berdasarkan laporan televisyen ekonomi antarabangsa, *Bloomberg* baru-baru ini.

Jelasnya, Malaysia menunjukkan prestasi yang baik dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini dengan mencatatkan jumlah pelaburan sebanyak RM49 bilion berbanding hanya RM14 bilion dalam tempoh masa sama tahun lalu iaitu peningkatan sebanyak empat kali ganda.

“Jika dilihat dari segi jumlah pelaburan yang masuk ke Malaysia dalam tempoh sembilan bulan pertama adalah amat memberangsangkan sekaligus menunjukkan bahawa negara kini sedang berada di landasan yang tepat.

“Ini petanda baik dan menunjukkan bahawa keyakinan pelabur luar bertambah di bawah pimpinan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang sedang berusaha membersihkan negara dan membawa Malaysia ke landasan betul,” kata beliau pada sidang media selepas merasmikan Program Smart Green Community dekat Tapak Pertanian Dalam Bandar JKKK Kampung Bharu, Lebuh Padang Tembak di sini 1 Disember lalu.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng Soon Siang; Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. Addnan Mohd. Razali; Pengarah Bahagian Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBPP, Mubarak Junus; Ahli-Ahli Majlis bagi MBPP; Ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Bharu serta komuniti setempat.

Mengulas lanjut, Guan Eng yang juga ADUN Air Putih menjelaskan, Kerajaan menetapkan tempoh masa tiga tahun dalam Belanjawan 2019 untuk memulihkan kewangan negara yang kini berdepan dengan bebanan hutang terlalu tinggi melebihi RM1 trilion.

“Bagaimanapun, ini bukan bermakna kita (Kerajaan) boleh kurangkan hutang yang banyak sekaligus, tapi sekurang-kurangnya kita boleh letakkan negara dalam keadaan (ekonomi) sihat untuk menangani hutang yang besar serta masalah kekurangan sumber kewangan pada masa ini.

“Mungkin sekarang ekonomi dalam keadaan tenat, tapi saya yakin berdasarkan beberapa unjuran baru menunjukkan bahawa Malaysia mampu berada di landasan yang betul dalam tempoh masa tiga tahun akan datang,” ujarnya.

Dalam pada itu, Guan Eng semasa berucap merasmikan program berkenaan berkata, *‘Smart Green Community’* merupakan usaha baik oleh MBPP untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri bersih dan rendah karbon pada masa akan datang.

“Dulu Pulau Pinang dikenali sebagai negeri darul sampah kerana terlalu kotor, dan selepas 10 tahun negeri ini bukan sahaja bersih secara fizikal malah juga bersih dari segi pentadbiran kewangan serta berjaya menjadi (negeri) paling bersih di Malaysia,” jelasnya.

Difahamkan, sebanyak lima sekolah menyambut cabaran melalui reka cipta barang *‘upcycle’* menggunakan bahan terbuang yang menyaksikan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Sin Min dinobatkan sebagai juara, manakala naib johan milik SJKC Fu Yu Seah dan tempat ketiga, SJKC Eng Chuan.

Selain zumba, program tersebut juga dimeriahkan dengan pameran kraftangan, penanaman hidroponik, aktiviti pengkomposan baja dan banyak lagi.

# Sambutan Hari Penjaja dan Komuniti Peniaga iktiraf sumbangan ke arah pemantapan pembangunan ekonomi negeri

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**



KETUA Menteri bergambar kenangan di salah sebuah gerai yang mengambil bahagian dalam penganjuran Hari Penjaja dan Komuniti Peniaga 2018 di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN -** Sambutan Hari Penjaja dan Komuniti Peniaga Peringkat Negeri Pulau Pinang yang diadakan saban tahun adalah sebagai pengiktirafan kepada golongan berkaitan dalam menyumbang bakti ke arah pemantapan pembangunan ekonomi negeri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata demikian ketika berucap pada Majlis Sambutan Hari Penjaja dan Komuniti Peniaga 2018 yang diadakan dekat Jalan Padang Kota Lama di sini 24 November lalu.

Menurut Kon Yeow, sambutan bertemakan 'Bersih, Sedap dan Lazat' tersebut merupakan pengiktirafan kepada usaha golongan peniaga serta komuniti penjaja dalam menyahut misi Kerajaan Negeri ke arah Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

"Sepertimana yang kita semua sedia maklum, Pulau Pinang mempunyai jenamanya tersendiri dalam sektor pelancongan yang mana ia telah memberi limpahan rezeki kepada para penjaja dan komuniti peniaga di negeri ini.




AKSI Raja Teh Tarik.

"Malah, tidak dapat dinafikan, industri pelancongan makanan di negeri ini menjadi antara daya tarikan utama kemasukan pelancong ke Pulau Pinang.

"(Dan) secara tidak langsung, penjaja dan komuniti peniaga menyumbang kepada salah satu sektor mikro ekonomi negeri," ujar beliau yang turut menzahirkan penghargaan terhadap usaha berterusan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dalam memastikan segala infrastruktur dan kemudahan penjaja serta komuniti peniaga tersedia.

Kon Yeow dalam pada itu juga berharap agar para penjaja dan komuniti peniaga di Pulau Pinang terus menjaga piawaian serta mutu makanan di samping mematuhi segala peraturan ditetapkan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan Dasar Larangan Warga Asing Memasak Masakan Tempatan Pulau Pinang dalam usaha menjaga kualiti makanan disediakan kepada pengunjung yang datang ke negeri ini.

"(Hal ini kerana), kita (Kerajaan Negeri) mahu memajukan lagi agenda pelancongan makanan Pulau Pinang agar terus memberi aspirasi terbaik kepada bukan sahaja dalam negara malah juga dunia luar," katanya.

Dalam pada itu, Datuk Bandar bagi MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang memberitahu, pihaknya akan meneruskan tradisi sambutan Hari Penjaja dan Komuniti Peniaga yang mula diperkenalkan pada tahun 1996.

"Sambutan ini adalah bagi menghargai sumbangan penjaja dan peniaga dalam menjana ekonomi di bandar raya ini.

"Saya juga percaya, dengan komitmen ditunjukkan oleh pihak Majlis (MBPP), hubungan baik yang dijalinkan dengan penjaja serta peniaga dapat meningkatkan lagi imej dan reputasi Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan yang terkenal di dunia.

"(Dan) ia bukanlah satu polemik atau retorik, tetapi dibuktikan dengan pelbagai pengiktirafan pihak luar terhadap Pulau Pinang," jelasnya.

Menariknya, sambutan kali ini turut diserikan dengan aksi menarik Raja Teh Tarik.

Tahun ini, Kedai Kopi Sin Hoe Peng; *KSPPB Heritage Cafe*; *Feringghi Grill Restaurant*; Nasi Kandar Pelita serta restoran makanan segera, *Mc Donalds* (cawangan *Golden Triangle*) diumumkan sebagai penerima Anugerah Khas Sambutan Hari Penjaja dan Komuniti Peniaga.

Manakala, Pasar Malam di Pasar Awam Balik Pulau di bawah seliaan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Pondok Upeh dinobatkan sebagai pemenang bagi Pengurusan Pasar Malam Terbaik.

Buat julung kalinya juga, bagi Pengurusan Stesen Minyak Terbaik, Petronas di Jalan Dato' Ismail Hashim diumumkan sebagai pemenang utama.

Bagi kategori Restoran Terbaik, Restoran Sushi King Sdn. Bhd. (cawangan pusat membeli-belah *Queensbay Mall*) menerima Anugerah Gold bersama-sama Restoran Pelita Taman Sri Tunas (bagi Restoran Nasi Kandar Terbaik) dan Restoran KFC Komtar sebagai Restoran Makanan Segera Terbaik.

*Sri Tanjung Cafe* dan *Hoshino Coffee* pula dinobatkan sebagai pemenang bagi kategori Restoran Dalam Hotel Terbaik dan Kedai Kopi/Makanan Terbaik 2018 masing-masing.

15 pemenang lain turut menerima Anugerah Gerai Dalam Kompleks Makanan Terbaik bagi tahun ini.

# Program Subuhku Di Masjid diharap jadi pemangkin masa depan umat Islam

**PINANG TUNGGAL –** Kira-kira 400 jemaah menghadiri pelancaran Program Subuhku Di Masjid yang berlangsung dekat Masjid Simpang Empat Permatang Buluh, Seberang Perai Utara (SPU) di sini baru-baru ini.

Program satu bulan bermula 24 November hingga 23 Disember itu disempurnakan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

Ahmad Zakiyuddin ketika ditemui berharap agar program tersebut menjadi pemangkin masa depan kepada umat Islam di negara ini khususnya dekat Pulau Pinang dengan membudayakan solat Subuh secara berjemaah di masjid.

"Program Subuhku Di Masjid yang dilancarkan ini haruslah mendapat satu kesedaran tinggi dalam kalangan ibu bapa untuk mencorakkan anak-anak ke arah menjadi anak yang soleh serta berguna kepada masyarakat kelak.

"Oleh itu, bagi membudayakan (solat Subuh berjemaah di masjid) amalan ini, saya amat mengalu-alukan penglibatan daripada Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk turut serta dalam membentuk sahsiah generasi pelajar-pelajar di negeri ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal pada penganjuran berkaitan.

Hadir sama, ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat, jawatankuasa kariah masjid dan penduduk tempatan.

Seramai 110 pelajar sekolah rendah dan menengah turut menjayakan penganjuran Program Subuhku Di Masjid berkenaan.

Sepanjang berlangsungnya Program Subuhku Di Masjid, antara acara menarik disediakan termasuk kelas bimbingan pelajar sekolah rendah, kelas bimbingan pelajar sekolah menengah, aktiviti kemasyarakatan dan riadah serta perkelahan atas bot di Tasik Banding.




IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (berjubah putih) pada penganjuran Program Subuhku Di Masjid di sini baru-baru ini.

# Ladang solar Byram pertama di Pulau Pinang, 21 tahun bekal tenaga boleh diperbaharui

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**


RUPA bentuk panel solar dekat Ladang Byram di sini.

**JAWI -** Mulai 1 Disember 2018, PLB Green Solar Sdn. Bhd. sebagai pengeluar tenaga boleh diperbaharui bebas (IRE) di ladang solar seluas 60 ekar dekat Ladang Byram akan membekalkan 37,470 megawatt per jam setahun selama 21 tahun untuk disalur jual kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa penjanaan tenaga boleh diperbaharui dari ladang solar tersebut mampu menampung penggunaan elektrik kira-kira 12,000 rumah, kelak.

"(Ladang solar Byram) ini memang inisiatif Kerajaan Persekutuan melalui Suruhanjaya Tenaga bagi menggalakkan penjanaan tenaga boleh diperbaharui (RE) dan mengurangkan pelepasan (gas) karbon monoksida.

"Hampir dua tahun juga (sejak 2016) projek ini bermula, dan pada hari ini kita dapat melihat ia siap serta sudah mula membekalkan tenaga boleh diperbaharui di (pusat bekalan tenaga elektrik TNB) Batu Kawan," jelasnya selepas meninjau sendiri keadaan ladang solar di sini pada 25 November lalu.

Sebelum itu, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah dan Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi merasmikan Majlis Penyempurnaan Ladang Solar 20MWac dekat Ladang Byram di sini.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu; ADUN Jawi, Jason H'ng Mooi Lye dan ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik turut menyertai majlis tersebut.

Turut serta, Pengarah Urusan PLB Green Solar, Datuk Seri Ong Choo Hoon; Pengarah Eksekutifnya, Datuk Ong Guat Beng; Pengarah Urusan, Syamshuar Husin; Pengarah Projek PLB Green Solar, Mohd. Ramsyah Ismail, wakil Affin Bank dan *Sime Darby*.

Kon Yeow dalam pada itu berharap lebih banyak lagi ladang solar dibuka di Pulau Pinang, selepas ladang solar sulung PLB Green Solar berkaitan.

Sebelum itu, Mohd. Ramsyah menyatakan bahawa kos keseluruhan projek ladang solar Byram tersebut adalah sebanyak RM105 juta, dengan memajak tanah milik *Sime Darby* serta mendapat pinjaman mudah Affin Bank.

Tambah beliau, PLB Green Solar sebagai firma subsidiari kepada PLB Engineering Berhad berharap inisiatifnya membangunkan ladang solar tersebut turut menyumbang kepada sasaran Kerajaan Persekutuan pada tahun 2020 iaitu 20 peratus elektrik di negara adalah dijana daripada sumber RE.

# 363,665 pokok berjaya ditanam sehingga kini

**SEBERANG JAYA –** Wartawan Buletin Mutiara, G. Revatic dinobatkan sebagai pemenang bagi Kategori Anugerah Istimewa Penulisan Berita Bahasa Tamil pada Majlis Anugerah Pinang Hijau 2018 yang berlangsung di Hotel Sunway pada 29 November lalu.

Beliau membawa pulang wang tunai berjumlah RM1,000 berserta sijil penghargaan yang disampaikan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Kon Yeow dalam ucapannya menyatakan bahawa Pulau Pinang berhasrat untuk menjadi negeri hijau pertama di Malaysia dengan dipacu oleh ekonomi hijau menjelang 2030.

"Dengan bantuan *Penang Green Council* (PGC), Kerajaan Negeri merangka Agenda Hijau Pulau Pinang yang bertujuan membangunkan gerak kerja serta pelan hala tuju ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri hijau menjelang 2030.

"Oleh yang demikian, bagi memastikan persekitaran hijau dan pembangunan mampan, Kerajaan Negeri melaksanakan program penanaman semula pokok bagi mengekalkan persekitaran hijau yang mana sehingga kini sebanyak 363,665 batang pokok telah berjaya ditanam.

"Pada tahun ini juga, kita (Pulau Pinang) merupakan negeri pertama di Malaysia yang mengumumkan pelaksanaan dasar *'No Single Use Plastics'* mulai 1 Januari 2019.

"Usaha-usaha ini juga membolehkan Pulau Pinang menjadi negeri ketiga terbesar di negara ini yang mempunyai keluasan lantai binaan bangunan hijau yang secara tidak langsung membantu mengurangkan jumlah pelepasan karbon dioksida," katanya pada majlis berkaitan di sini.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Ahli-Ahli Majlis bagi MPSP; Pengurus Besar PGC, Thing Siew Shuen; Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Pentadbiran), Ahmad Shukri Jamaluddin; Ketua-Ketua Jabatan dan ramai lagi.

Pada majlis itu juga, Kon Yeow turut menyampaikan hadiah dan sijil penghargaan kepada pemenang Anugerah Sekolah Hijau Pulau Pinang, Pensijilan Projek Pejabat Hijau Pulau Pinang, Pertandingan Melukis Poster 'No Single Use Plastics', Insentif Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH) serta Insentif Cabaran Sisa Makanan.

Difahamkan, Anugerah Pinang Hijau 2018 memasuki tahun kelima dianjurkan oleh PGC bertujuan meraikan pihak yang menghargai kepentingan alam sekitar selain menggalakkan masyarakat menyayangi alam semula jadi.



**KETUA Menteri dan Phee Boon Poh (kanan sekali) bergambar kenangan bersama-sama sebahagian pemenang Anugerah Wartawan Hijau pada Majlis Anugerah Pinang Hijau 2018 di sini baru-baru ini. Turut serta, G. Revatic (enam dari kiri).**



# Dana penyelenggaraan perumahan, Pulau Pinang harap terima berita baik

**DATUK KERAMAT –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini mengemukakan permohonan bagi mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Pusat untuk kerja-kerja penyelenggaraan skim-skim perumahan di negeri ini.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah mengutuskan sepucuk surat kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 23 November lalu bagi memohon dana penyelenggaraan skim-skim perumahan.

"Dalam surat tersebut, dua perkara utama yang disuarakan adalah permohonan bagi mendapatkan dana berjumlah RM600,000 untuk kerja-kerja penyelenggaraan skim perumahan di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dekat Pulau Pinang.

"Keduanya pula, adalah permohonan peruntukan berjumlah RM14 juta bagi kerja-kerja penyelenggaraan lain-lain skim perumahan di negeri ini, dan pastinya saya berharap untuk menerima berita baik daripada pihak Kementerian (KPKT)," ujarnya sejurus memaklumkan kelulusan dana kerja-kerja menaik taraf tiga lif di Flat Medan Ria dekat sini 27 November lalu.

Hadir sama, Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, 'Ainul



**JAGDEEP Singh Deo.**

Fadhilah Samsudi; Penolong Setiausaha Kanan (Seksyen Pengurusan Perumahan) Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Mohd. Fauzy Mohd. Yusoff serta wakil persatuan penduduk Flat Medan Ria.

Menurut Jagdeep, sejak 2013, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil inisiatif dengan memperkenalkan Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Pulau Pinang (TPM80PP) bagi membiayai kerja-kerja penyelenggaraan di skim-skim perumahan di negeri ini.

"Sejak diperkenalkan sehingga hari ini, sejumlah 209 permohonan telah diluluskan melalui TPM80PP melibatkan 359 projek penyelenggaraan dengan kos diluluskan berjumlah RM31.08 juta.

"Malah, bagi tahun 2019, sebagaimana diumumkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow melalui Bajet 2019, sejumlah RM6.8 juta dana telah diluluskan bagi meneruskan inisiatif di bawah TPM80PP ini.

"Saya amat gembira dan ingin mengucapkan terima kasih kepada Ketua Menteri kerana memahami keperluan bagi meneruskan tabung tersebut, dan saya ingin nyatakan bahawa saya akan mengambil suatu pendekatan dan strategi baharu bagi memperkasakan lagi pelaksanaan projek penyelenggaraan di skim-skim perumahan di Pulau Pinang," jelasnya.

Bagi kerja-kerja menaik taraf tiga lif di Flat Medan Ria, Kerajaan Negeri telah meluluskan pembiayaan berjumlah RM195,200 iaitu 80 peratus daripada kos keseluruhan RM244,000 di bawah TPM80PP.

Manakala baki, 20 peratus lagi iaitu RM48,800 dibiayai oleh penduduk melalui persatuan penduduk Flat Medan Ria.

## Program Sukan Untuk Semua demi rancak pembangunan sukan negeri



**SOON Lip Chee (berbaju putih) turut serta meraikan kemenangan pasukan UM Leads pada penganjuran Tun Abdul Razak International Floorball Championship 2018 di sini baru-baru ini.**

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BATU UBAN –** Dalam merancakkan pembangunan sukan di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif dengan memperkenalkan Program Sukan Untuk Semua.

Menurut Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee, program yang bakal diperkenalkan pada 2019 itu akan mempromosikan sukan berlainan pada setiap bulan.

"Salah satu sukan yang akan kita (Kerajaan Negeri) promosikan adalah sukan *floorball* yang agak baharu di negara ini.

"(Dan) saya berharap orang ramai khasnya belia dapat menceburi dan melibatkan diri dalam sukan ini agar suatu hari nanti ia mampu muncul antara sukan popular dalam negara seperti badminton, bola sepak, hoki dan lain-lain sukan lagi," ujarnya yang hadir pada Majlis Penyampaian Hadiah Tun Abdul Razak International Floorball Championship 2018 dekat Kompleks Sukan Azman Hashim, Universiti Sains Malaysia (USM) di sini 25 November lalu.

Hadir sama, Presiden Persatuan Floorball Malaysia, Dr. Rizal Razman dan wakil-wakil dari USM.

Dalam pada itu, Lip Chee berharap Pulau Pinang dapat menjadi tuan rumah bagi kejohanan *floorball* berikutnya memandangkan penganjuran kali ini adalah yang pertama diadakan di luar Lembah Klang.

Sebanyak 22 pasukan dari dalam dan luar negara mengambil bahagian antaranya, Singapura, India, Indonesia, Denmark dan tidak ketinggalan kelab-kelab *floorball* dari Malaysia sendiri.

Pada kejohanan tersebut, pasukan *Piranhaz* muncul juara bagi Kategori Lelaki selepas menewaskan *fireBRANDS* di tempat kedua, manakala tempat ketiga diraih pasukan *Joga Bonito*.

Untuk Kategori Wanita, aksi sengit antara pasukan Putrajaya dan *UM Leads* terpaksa mengheret keputusan seri 2-2 kepada penentuan penalti sebelum *UM Leads* mengetepikan Putrajaya 3-1, dengan pasukan *Genrocks* di tempat ketiga.

## Penjimatan air cekap, organisasi dan sekolah terima ganjaran

**GEORGE TOWN –** Sebanyak 10 organisasi dan sekolah (19) di Pulau Pinang menerima ganjaran mesra-air daripada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) ekoran pelaksanaan langkah serta teknologi penjimatan air yang cekap dan berkesan.

Ganjaran dan insentif keseluruhan berjumlah RM30,250 itu disampaikan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada Majlis Penyampaian Anugerah Green Pinang 2018 di sini.

Ketua Pegawai Eksekutif PBA Holdings Bhd. dan PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, 10 organisasi cekap air yang menerima ganjaran wang khas tersebut merupakan penerima kali kedua untuk pensijilan Aqua Save PBAPP (Aqua Save).

"Di bawah program ini, sijil Aqua Save sah selama tempoh dua tahun diberikan kepada organisasi yang telah melaksanakan langkah atau teknologi penjimatan air efisien.

"Justeru, organisasi yang berjaya memperbaharui pensijilan mereka untuk dua tahun lagi diberikan ganjaran wang khas.

"Organisasi-organisasi ini menerima di antara RM500 dan RM2,000 kerana berjaya memperbaharui sijil Aqua Save masing-masing pada tahun ini. Jumlah keseluruhan untuk kategori ini adalah berjumlah RM14,000.

"Serentak itu, terdapat lima organisasi lain turut menerima sijil berkaitan kali pertama," ujarnya menerusi satu kenyataan media baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud dan Pengurus Besar Penang Green Council (PGC), Thing Siew Shuen.

Program Aqua Save adalah inisiatif PBAPP dengan kerjasama Kerajaan Negeri menerusi PGC untuk mempromosikan pemuliharaan air mampan dalam kalangan organisasi perniagaan serta bukan perniagaan di Pulau Pinang.

Pada majlis sama, sebanyak 19 sekolah finalis Anugerah Sekolah Hijau Pulau Pinang 2018 turut menerima insentif sama berjumlah RM16,250.

Menurut Jaseni, pada 2018, PGC telah meluaskan skop Aqua Save dengan memasukkan kriteria sebagai sebahagian daripada proses penilaian untuk Anugerah Sekolah Hijau.

"Langkah ini adalah bertujuan menggalakkan sekolah dan pelajar mereka menjimatkan air dan secara tidak langsung mempromosikan budaya penjimatan air di Pulau Pinang," jelasnya.

# PROTUNe ke arah budayakan amalan keusahawanan dalam kalangan belia

**BATU UBAN –** Penganjuran Program Tunas Niaga (PROTUNe) dilihat mampu menjadi platform membudayakan amalan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah di negeri ini.

Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain berkata, Kerajaan Negeri umumnya berhasrat menjadikan bidang keusahawanan sebagai suatu budaya yang diamalkan dan bukannya diceburi sebagai kerja "bidan terjun'

"Bidang keusahawanan ini perlu dijadikan budaya, maknanya perlu ada disiplin dan minat yang bersungguh-sungguh untuk menceburinya dan bukan sekadar suka-suka.

"(Dan) inilah yang dilakukan oleh PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) selaku penganjur Program Tunas Niaga atau PROTUNe agar nilai-nilai keusahawanan dapat disemai dalam jiwa para pelajar khasnya," ucapnya pada penganjuran Konvensyen PROTUNe Peringkat Negeri Pulau Pinang 2018 di sini 22 November lalu.

Hadir sama, Timbalan Pengurus Besar PDC, Mohd. Bazid Abd. Kahar; Timbalan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP), Abdul Rashid Abdul Samad dan Ketua Unit Kokurikulum JPNPP, Zulkafli Kamaruddin.



**ABDUL Halim Hussain (tengah) bergambar kenangan dengan barisan pemenang dan wakil-wakil sekolah bersempena penganjuran Konvensyen PROTUNe Peringkat Negeri Pulau Pinang 2018 di sini baru-baru ini.**

Tidak terhenti di peringkat sekolah, Abdul Halim mahu ilmu keusahawanan berkaitan terus dibudaya dan dipraktikkan oleh golongan belia sebagai suatu kerjaya pilihan.

"Hal ini adalah selari dengan visi Kerajaan Negeri untuk melahirkan masyarakat yang berdaya saing dan mampu meneroka peluang-peluang baharu.

"Jika seseorang itu berkelulusan doktor perubatan contohnya, jika dia tidak punyai ilmu keusahawanan adalah mustahil untuk dia menguruskan sebuah klinik dengan berjaya.

"Oleh itu, kita (Kerajaan Negeri) akan terus menyokong dan menggerakkan program-program berkaitan keusahawanan di negeri ini bagi membolehkan lebih ramai usahawan muda dilahirkan," ujarnya.

PROTUNe merupakan penjenamaan semula Program Usahawan Muda yang telah dilaksanakan secara berstruktur dengan modul-modul pengajaran dan pembelajaran komprehensif sejak 1998.

Konvensyen kali ini menyaksikan sebanyak 36 sekolah seluruh Pulau Pinang menyertai 11 kategori pertandingan.

Anugerah utama, Syarikat Terbaik berjaya digondol Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Penanti dengan pihak berkaitan membawa pulang sijil, trofi dan wang tunai RM1,000.

Tempat kedua, SMK Teluk Kumbar dan melayakkan mereka membawa pulang sijil, trofi serta wang tunai RM800; tempat ketiga, SMK Tinggi Bukit Mertajam (sijil, trofi dan wang tunai RM700).

Antara anugerah lain yang dipertandingkan adalah Anugerah Laporan Tahunan Terbaik, Prestasi Kewangan Terbaik, Produk Terbaik, Pengurus Terbaik dan Guru Pembimbing Terbaik.

Empat anugerah lain ialah Pengetua Terbaik, Persembahan Terbaik, Syarikat Berpotensi dan Amalan 5S Kiosk PROTUNe Terbaik.

Difahamkan, PROTUNe dianjurkan secara kerjasama JPNPP dan membabitkan lebih 950 pelajar seluruh negeri.

## Polisi Larangan Penggunaan Plastik Sekali Guna, harap peroleh kerjasama dan sokongan semua

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **EXCO**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri berharap pengusaha gerai makanan, orang awam, pihak swasta serta lain-lain memberi kerjasama dan sokongan bagi menjayakan inisiatif polisi Larangan Penggunaan Plastik Sekali Guna mulai 1 Januari 2019.

Seruan tersebut dibuat Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh pada sidang media pameran poster Larangan Penggunaan Plastik Sekali Guna di sini baru-baru ini.

Boon Poh berkata, pelaksanaan inisiatif hijau tersebut adalah seiring dengan hasrat Kerajaan Persekutuan untuk menggalakkan perkembangan dan peralihan industri plastik ke sektor ekonomi hijau.

Menurutnya, hala tuju inisiatif berkaitan juga adalah selaras dengan seruan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan *Sustainable Development Goals 12* yang meneraskan kepenggunaan serta produktiviti yang bertanggungjawab.

"Kami (Kerajaan Negeri) berharap semua pihak memberi sokongan dan kerjasama bagi menjayakan inisiatif terbaru ini sebagaimana lembaran yang telah dibuka oleh rakyat Pulau Pinang semasa pelancaran Kempen Tanpa Beg Plastik Percuma yang diperkenalkan pada tahun 2009.

"Oleh itu, bagi memahami persepsi orang ramai terhadap inisiatif ini, *Penang Green Council* (PGC) telah menjalankan kaji selidik melibatkan orang awam serta pengusaha makanan di sekitar Pulau Pinang dari 1 Ogos hingga 9 September lalu.

"Seramai 1948 responden telah menyertai kaji selidik berkaitan yang mana hasilnya 75.6 peratus awam menyokong pelaksanaan polisi Larangan Penggunaan Plastik Sekali Guna, tidak menyokong (14.1 peratus) dan selebihnya tidak mempunyai apa-apa pandangan.

"Manakala, kaji selidik membabitkan 231 pengusaha makanan dan minuman mendapati 59.7 peratus responden menyokong pelaksanaan polisi ini dan hanya, 11.3 peratus tidak menyokong," ujar beliau.

Sebagai langkah permulaan, Boon Poh menyatakan bahawa Kerajaan Negeri secara drastiknya memutuskan tidak lagi akan menggunakan air cawan plastik dalam semua mesyuarat yang dijalankan di Komtar.

"Kita (Kerajaan Negeri) juga telah memperuntukkan bagi menyediakan 500 cawan *stainless steel* untuk bilik mesyuarat dan anjakan paradigma ini dijangka akan lebih menjimatkan perbelanjaan sekaligus melindungi alam sekitar.

"Diharap usaha kecil ini bakal menjadi teladan oleh semua pihak dan diterapkan dalam aktiviti seharian," serunya.


**PHEE Boon Poh (kiri sekali) dan wakil-wakil Kerajaan Negeri pada sidang media pameran poster Larangan Penggunaan Plastik Sekali Guna di sini baru-baru ini.**



# Peraduan mewarna, melukis cungkil bakat muda penuh kreativiti

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** – Pemenang bagi peraduan mewarna dan melukis poster anjuran Buletin Mutiara berjaya dimuktamadkan baru-baru ini selepas melalui proses penilaian yang teliti oleh barisan para juri.

Daripada 13 peserta yang disenarai pendek bagi peraduan Bakat Si Cilik Mewarna 1/2018, Ang Xin Thong, 7, dinobatkan sebagai juara sekaligus berjaya membawa pulang wang tunai berjumlah RM250 berserta sijil pengharagaan.

Tempat kedua adalah milik Pang Zheng Kai, 10, yang menerima wang tunai berjumlah RM150 dan sijil, manakala tempat ketiga, Nurul Farhana Romzi, 11, RM100 dan sijil.

Bagi pertandingan Melukis Poster: Saya Anak Malaysia menyaksikan Ch'ng Chiew Hui berjaya merangkul tempat pertama dan membawa pulang wang tunai berjumlah RM500 berserta sijil penghargaan, diikuti Chew Wan Yii (RM300 dan sijil) manakala ketiga milik (Ong Yi Lin, RM200 dan sijil).

Selain itu, seramai 10 peserta lagi dipilih sebagai pemenang bagi hadiah saguhati yang membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM50 berserta sijil penghargaan setiap seorang.

Dalam pada itu, ibu kepada Nurul Farhana ketika ditemui menyatakan bahawa bakat mewarna anak beliau dikenal pasti sejak di bangku sekolah rendah.

"Saya nampak dia (Nurul Farhana) memang minat dengan seni, sebelum ini pun banyak pertandingan-pertandingan mewarna yang dia sertai.

"Selain itu, saya juga turut memberi tunjuk ajar kepada Farhana untuk mempertingkatkan kemahiran mewarna yang sememangnya ada pada dirinya," jelasnya di sini baru-baru ini.

Nurul Farhana merupakan pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) Seberang Jaya 2.

Terdahulu, Buletin Mutiara menganjurkan peraduan mewarna dan melukis poster yang dibuka mulai 1 Julai sehingga 30 September sempena sambutan bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia pada tahun ini.

Barisan juri peringkat akhir bagi pertandingan tersebut terdiri adalah daripada Lai Hon Meng (Setiausaha Sulit Kepada Ketua Menteri); S.Tharchayeni (Pegawai Khas Kepada Ketua Menteri) dan Wan Afifah Wan Mohamad (Penolong Setiausaha Kanan Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri).




CH'NG Chiew Hui.



NURUL Farhana Romzi (dua dari kanan) sempat memberi *pose* istimewa bersama-sama adik-beradiknya ketika hadir ke pejabat Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.



B. Kishore yang memenangi hadiah saguhati.

## Sambutan Maulidur Rasul Surau Al-Muttaqin penuh pengertian

**PINANG TUNGGAL** - Pelbagai aktiviti menarik diadakan bersempena sambutan Maulidur Rasul anjuran Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pinang Tunggal dengan kerjasama Qaryah Bandar Putra Bertam di sini.

Majlis tersebut dirasmikan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan berkaitan.

Difahamkan, program yang berlangsung dekat Surau Al-Mutaqqin Bandar Putra Bertam tersebut antaranya adalah membabitkan sesi forum perdana bertajuk 'Ku Mengharapkan Syafaatmu' yang menampilkan dua panel istimewa iaitu Ustaz Roslan Che Ros dan Ustaz Haslin Baharim (atau lebih dikenali sebagai Ustaz Bollywood) dengan dipengerusikan Ustaz Lutfi Amir.

Hari kedua penganjuran dimulakan dengan kuliah Subuh, diikuti pameran dari agensi-agensi serta jabatan, pemeriksaan kesihatan percuma, servis dan tukar minyak motor percuma, bengkel kraf tangan, bengkel masakan, cabutan bertuah serta kenduri rakyat.

Pada sebelah malam, turut berlangsung adalah persembahan Kesenian Islam oleh kumpulan Qasidah Ar-Rayyan dan konsert nasyid dari kumpulan Inteam.



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (berbaju putih) pada Majlis Sambutan Maulidur Rasul di sini baru-baru ini.

# Kerajaan Negeri dalam peringkat akhir memuktamadkan RSNPP 2030



**JAGDEEP Singh Deo (tengah, berkemeja putih) pada majlis sumbangan baucar tunai kepada 500 pelajar terpilih KADUN Datuk Keramat di sini baru-baru ini.**

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Sejumlah 462 borang dan memorandum diterima sepanjang tempoh program publisiti dan penyertaan awam bagi draf Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2030 diadakan bermula 18 September 2018 sehingga 19 November lalu.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini dalam peringkat akhir untuk memuktamadkan RSNPP 2030.

"Menurut peruntukan undang-undang, tempoh pandangan daripada orang awam adalah tidak melebihi satu bulan seperti dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) Bahagian III (Rancangan Pemajuan) di bawah Seksyen 9(3).

"Namun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil pendekatan untuk memberikan tempoh masa lebih panjang iaitu dua bulan bagi mendapat pandangan mahupun syor-syor daripada orang awam mengenai draf RSNPP 2030 ini.

"(Dan) sebagai makluman, setelah tempoh pendengaran pandangan awam berakhir, sejumlah 462 borang dan memorandum diterima," ujarnya pada sidang media sejurus hadir menyampaikan sumbangan baucar tunai kepada 500 pelajar terpilih Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Datuk Keramat sebagai persiapan kembali ke sekolah dekat sini baru-baru ini.

Menurut Jagdeep, antara maklum balas yang diterima adalah berhubung kawasan pertanian yang perlu dikekalkan, mengkaji semula tebus guna tanah, mengesyorkan agar Pelan Induk Pengangkutan Awam Pulau Pinang tidak diwartakan sebagai garis panduan utama pembangunan pengangkutan di negeri ini serta unjuran kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi bagi tahun 2030.

"Secara pecahan, sebanyak 415 maklum balas diterima melalui borang dan 47 lagi melalui emel atau secara dalam talian dengan 41 daripada orang awam, pemaju atau syarikat (22 maklum balas), Jabatan atau Agensi Kerajaan termasuk Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)(1), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)(1), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)(1), Universiti Sains Malaysia (USM)(2) dan Jabatan Pertanian (272).

"Manakala bagi kategori NGO atau badan bukan kerajaan mencatatkan jumlah 43, dan melalui laman *Facebook* rasmi sebanyak 109 makluman, menjadikan jumlah keseluruhan 462 maklum balas.

"Melalui penyertaan awam ini, saya ingin nyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa terbuka untuk mendengar segala pandangan daripada semua pihak dan semua pandangan atau maklum balas ini akan dinilai satu persatu," jelasnya yang merujuk kepada jadual pecahan responden.

Difahamkan, satu jawatankuasa penilaian telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri untuk menilai serta memberikan ulasan terhadap semua pandangan yang diterima dan akan dipertimbangkan dalam mesyuarat jawatankuasa negeri akan datang.

"Kita (Kerajaan Negeri) menjangkakan RSNPP 2030 ini dapat dikuatkuasakan pada suku pertama tahun 2019.

"Selepas ini (RSNPP 2030), kita akan melihat pula Rancangan Tempatan bagi kelima-lima daerah di Pulau Pinang yang mana ia lebih terperinci dan praktikal kerana mengandungi tataatur pembangunan berskala besar," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

## Penguatkuasaan pengasingan sisa kediaman bertanah mulai 1 Januari, Exco seru sokongan umum

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri menetapkan tindakan penguatkuasaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca bagi premis kediaman bertanah secara mandatori mulai 1 Januari 2019 ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, tindakan penguatkuasaan itu sudah dilaksanakan secara berperingkat sebelum ini bagi bangunan milikan strata atau bertingkat sejak 1 Jun 2017 serta bagi premis komersial (mulai 1 Januari 2018).

Menurutnya, tindakan penguatkuasaan itu adalah sejajar dengan pewartaan Undang-undang Kecil Pengasingan Sampah dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah Yang Boleh Dikitar Semula 2016 bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

"Tindakan penguatkuasaan bagi kediaman strata (bertingkat) dan premis komersial adalah mengikut peruntukan undang-undang kecil yang telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri pada 1 Jun 2016.

"(Dan) kini, ia diperluaskan bagi premis kediaman bertanah iaitu mulai 1 Januari 2019, dengan kompaun kesalahan RM250," ujar beliau kepada media sejurus mengadakan pemeriksaan mengejut di tapak pengasingan sisa kediaman strata, 86 Avenue Residences dekat Lengkok Perak off Lorong Perak di sini pagi ini.

Turut sama, Ketua Unit Pengurusan Sisa Pepejal Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Oon Lai Kuan; Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBPP, Mubarak Junus; Ahli Majlis MBPP, Theng Jie Wey serta wakil Badan Pengurusan Bersama (JMB) 86 Avenue Residences.

Jagdeep memberitahu, pelaksanaan tindakan penguatkuasaan itu adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang lebih bersih, lebih hijau, lebih sihat, lebih selamat dan pintar.

"Oleh demikian, saya berharap rakyat Pulau Pinang dapat menunjukkan sokongan dan bekerjasama untuk melaksanakan program pengasingan sisa di punca ini yang pastinya dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada rakyat kini malah juga generasi akan datang.

"Kita (sebagai rakyat Pulau Pinang) seharusnya menunjukkan satu teladan yang baik kepada negeri-negeri lain di Malaysia dengan menjayakan inisiatif hijau ini kerana kita (Pulau Pinang) merupakan satu-satunya negeri yang melaksanakan inisiatif ini dengan jayanya.

"Adakalanya benda-benda kecil seperti membuang sampah di tempat yang sewajarnya mampu mendidik dan memberi impak positif terhadap alam sekitar kita," jelasnya.

Tambah Jagdeep, sejak tindakan penguatkuasaan dijalankan, sejumlah 331 kompaun dikeluarkan melibatkan premis komersial sebanyak 300 kompaun dan kediaman strata (31).

"Manakala, pemeriksaan yang dilaksanakan kedua-dua pihak berkuasa tempatan (MBPP dan MPSP) pula menunjukkan sejumlah 306,820 premis telah diperiksa dan 175,053 notis pemakluman dikeluarkan sejak 1 Jun 2017.

"Sebagai makluman, bagi MBPP sahaja, barangan kitar semula yang dikutip pada setiap hari Sabtu di kediaman bertanah dari Januari sehingga November 2018 lalu adalah sebanyak 11,044.7 kilogram dengan hasil jualan mencecah RM4,232.88.

"Jadi, sekali lagi saya menyeru agar semua rakyat Pulau Pinang dapat menyokong inisiatif ini sekaligus menyokong usaha dan hasrat Kerajaan Negeri untuk mengurangkan penghasilan sisa di punca," seru beliau.



# Pengunjung akui riang, bangga guna kemudahan awam Penang Sentral

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**




TERSERGAM indah Penang Sentral dekat Bagan Dalam yang menjadi satu lagi mercu pembangunan negeri Pulau Pinang.

**SALFAIZAH OSMAN**, 40, ditemani suami antara ratusan pengunjung pada hari pertama pembukaan Penang Sentral



SALFAIZAH Osman dan suami ditemu ramah di ruang menunggu dekat Kaunter Tiket Bersepadu.

dekat Butterworth bertarikh 22 November 2018.

Pagi itu, Salfaizah memberitahu bahawa beliau mahu melihat sendiri tahap kemudahan awam di dalam kompleks hab pengangkutan awam bersepadu untuk utara Semenanjung Malaysia.

"Sistem tiket berpusat di sini sama atau lebih bagus berbanding Terminal Bersepadu Selatan (TBS) dekat Bandar Tasek Selatan (Kuala Lumpur).

"Sistem e-tiket di Penang Sentral ini tentulah lebih baik berbanding di Terminal Sementara Bas sebelum ini, kerana dengan sistem e-tiket ini, tidak ada lagi aktiviti ulat tiket," jelasnya kepada wartawan akhbar Buletin Mutiara yang membuat tinjauan awam di sini.

Pada 14 Ogos 2018, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sendiri datang melawat Penang Sentral.

Beliau mahu melihat tahap pemajuan Penang Sentral oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) Persekutuan, Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB).

Ketika itu, Ketua Pegawai Operasi MRCB, Shareen Iqbal memaklumkan bahawa projek Persekutuan itu menelan kos pemajuan kira-kira RM280 juta, dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sejumlah RM2.8 bilion.

Seorang lagi responden, **E. VIMALA**, 31, menzahirkan rasa bangga dengan tahap kemudahan infrastruktur awam yang disediakan di Penang Sentral.

Baginya, reka bentuk serta sistem perkomputeran bersepadu di Penang Sentral seakan-akan termoden dan canggih, berbanding TBS serta KL Sentral dekat ibu negara.

"Saya datang pada pagi ini untuk membeli tiket bas dari Sungai Bakap ke Batu Gajah.

"Masa membeli tiket juga sekejap sahaja, tidak perlu berebut-rebut, sangat berbeza dengan pengalaman saya membeli tiket di terminal sementara bas ekspress yang lama," ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan kerana membina Penang Sentral di negeri ini.




RUANG Kaunter Tiket Bersepadu menyediakan kemudahan menunggu lengkap dengan penyaman udara di tingkat 2.

Tambah Vimala, melihat pelbagai kemudahan lain, seperti hab makanan terpilih serta lot-lot komersial menyebabkan tujuan pengunjung ke sini tidak terhad kepada menggunakan sistem pengangkuan awam bersepadu sahaja.

"Kalau nak makan bersama-sama kawan pun, ada pelbagai restoran, kalau nak membeli-belah pun kelak boleh juga kerana ada banyak lot-lot komersial akan dibuka.

"Saya berharap, mungkin dalam fasa kedua atau fasa ketiga kelak, kaunter-kaunter perkhidmatan kerajaan seperti UTC (Pusat Transformasi Bandar) juga akan dibuka di sini demi meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat.




E. Vimala.

"Sememangnya, saya berasa seperti kompleks membeli-belah yang begitu indah, moden dan sangat selesa, walaupun sebenarnya saya ke sini sekarang adalah untuk membeli tiket bas," kata beliau.

Difahamkan, fasa 1 Penang Sentral mula dilaksanakan sejak tahun 2007, melalui tempoh penangguhan yang panjang sebelum ini kerana isu ketuanpunyaan tanah semata-mata.

Di tingkat 1 terdiri oleh 38 tapak parkir bas ekspres dan bas pengantara.

Di tingkat 2 pula menempatkan kaunter tiket bersepadu, beberapa lot komersial, kaunter tempahan teksi, ruang menunggu kereta sewa serta jejantas lengkap dengan penyaman udara yang menghubungkan ke pelabuhan feri dan stesen keretapi Butterworth.

Sebanyak 55 lot komersial dan satu astaka makanan dengan reka bentuk moden turut disediakan di tingkat 3 hingga 5.

Di tingkat 5 hingga tingkat 9, disediakan 577 tapak parkir demi menggalakkan pengguna kenderaan peribadi bergerak dengan pengangkutan awam bersepadu, mulai dari sini.

Seorang remaja, **BATRISHA AHMAD AMINUDDIN**, 20, memberitahu, beliau mencuri kesempatan melawat hampir semua bahagian kompleks Penang Sentral yang telahpun dibuka di sini.

Batrisha yang enggan gambar muka disiarkan kepada khalayak umum menyatakan bahawa beliau masih menuntut di Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan (SPS).

"Saya ke sini hari ini untuk beli tiket pulang ke kampung di negeri Kelantan.

"Kemudahan di sini sama seperti TBS, tidak perlu beratur lama, kita boleh pilih untuk membeli tiket di kaunter ataupun tempah di mesin kiosk.

"Kalau bas lewat mengikut jadual pun, saya mempunyai banyak pilihan lain untuk terus menanti di kompleks ini, kerana kemudahannya pelbagai dan menarik.

"Sepatutnya di Kelantan, negeri kelahiran saya pun perlu ada kemudahan bersepadu pengangkutan awam seperti di Penang Sentral ini juga.

"Tengok...apabila sesebuah kerajaan berbelanja lebih untuk menyediakan kemudahan awam sebaik ini rakyat seperti saya memang sangat riang menggunakan kemudahan awam, kerana saya memang pengguna tegar bas awam," jelasnya.

Penang Sentral pada satu-satu masa boleh menampung kapasiti maksimum kira-kira 5,000 pengunjung sehari.




RUANG ketibaan atau pelepasan bas di tingkat 1.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 313 3990 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 8133 509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Dato' Saifuddin Nasution | (T) |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Md. Khalil Salleh<br>novafast63@gmail.com | (T) 012 - 598 4881 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Dato' Jasmin Mohamad<br>jmmohamed002@gmail.com | (T) 018 - 468 6610 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Yusri Isahak<br>ysrregnot@gmail.com | (T) 019 - 337 4055 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## Kalendar Pelancongan




1hb Januari 2019
***City Walk***

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2018

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390 |
| A'ziss Zainal Abiddin | 017 - 938 9192 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 012 - 507 2229 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Johnson a/l Anthonysamy | 012 - 424 5745 |
| Kang Yau Chuang | 010 - 829 3904 |
| Khong Chee Seong | 011 - 1522 6628 |
| Kumaran A/L Krishnan | 012 - 464 4697 |
| Marshidaliza Marzuki | 011 - 3929 9023 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Mohamad Akmal Azhar | 019 - 518 5145 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tengku Rasidah Tengku Kamarudin | 019 - 473 1323 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Elemperu Valuthi | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556<br>018 - 467 0037 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam | 019 - 457 2271 |
| 5. | Nakulan A/L Muthumanikam | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 010 - 462 0073 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2018

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Aidi Akhbal Mohamed Zainon | 012 - 464 3004 |
| Azahari Aris | 016 - 499 2580 |
| Azli Ibrahim | 011 - 2432 9007 |
| Dr. Chee Heng Leng | 017 - 333 9366 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gerald Mak Mun Keong | 016 - 452 6499 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Latifah Hussainsa | 013 - 436 1999 |
| Nurliyana Mohd Ramzi | 011 - 3922 4080 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Kean Peng | 012 - 629 1133 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Saiful Azwan Abd. Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Vino Dini a/p Chandragason Pitchy | 016 - 439 9358 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI



Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



Layari
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# Kenaikan kadar BKN amat dialu-alukan



SEBAHAGIAN penerima bagi peringkat DTL dan DBD.



JAGDEEP Singh Deo (tengah) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan bersama-sama wakil-wakil guru, ibu bapa dan para pelajar pada Majlis Penyerahan Cek BKN Pulau Pinang Tahun 2018 Bagi DTL dan DBD di sini baru-baru ini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF & SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN –** Seramai 644 pelajar baharu daripada 103 sekolah di seluruh Pulau Pinang terpilih menerima Biasiswa Kecil Negeri (BKN) Pulau Pinang untuk tahun ini.

Pada majlis sumbangan cek yang berlangsung di Auditorium A, dekat Komtar pada 19 November lalu, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo menyatakan bahawa atas dasar keprihatinan Kerajaan Negeri, BKN telah ditambah baik sebanyak dua kali dengan menaikkan kadar bayaran pada tahun 2009 dan 2013.

"Kenaikan kali pertama dibuat pada 2009 melibatkan peningkatan sebanyak 100 peratus, iaitu dari RM240 kepada RM480 bagi pelajar menengah rendah dan dari RM360 kepada RM720 (pelajar menengah atas).

"Manakala, kali keduanya pula iaitu pada tahun 2013, yang mana kadar BKN telah dinaikkan sebanyak RM120 setiap kategori menjadikan kadar baharu bagi BKN adalah RM600 bagi menengah rendah dan RM840 (menengah atas).

"Untuk tujuan itu, sejak 2008, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM19.2 juta yang mana ia telah dimanfaatkan oleh 30,271 pelajar," ujarnya dalam Majlis Penyerahan Cek BKN Pulau Pinang Tahun 2018 Bagi Daerah Timur Laut (DTL) dan Daerah Barat Daya (DBD) di sini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz, Zolkifly Md. Lazim (ADUN Telok Bahang) dan wakil Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP).

Bagi DTL, pemberian biasiswa adalah melibatkan 97 pelajar daripada 23 sekolah dengan perbelanjaan sebanyak RM66,840 manakala DBD, seramai 80 orang daripada 11 buah sekolah (RM53, 040).

Sementara itu, dalam majlis berasingan, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy memberitahu bahawa sumbangan tersebut merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri dalam meringankan beban ibu bapa serta waris pelajar terutamanya bagi yang kurang berkemampuan.

"Peningkatan jumlah sumbangan biasiswa berkenaan adalah disebabkan pentadbiran bersih berteraskan CAT (Cekap, Akauntabiliti dan Telus) yang dilaksanakan Kerajaan Negeri.

"Kerajaan Negeri amat yakin bahawa Pulau Pinang akan terus berkembang sebagai pusat kecemerlangan untuk menarik bakat-bakat baru dan terbaik selaras dengan Revolusi Industri Digital 4.0," jelasnya pada Majlis Penyerahan Cek BKN bagi Daerah Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberarang Perai Tengah (SPT) di sini 21 November lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Air Tawar, Mustafa Kamal Ahmad; wakil Pengarah JPNPP, Amat Sazali Abu Hassan; guru-guru serta para pelajar.

Difahamkan, seramai 185 pelajar daripada 27 sekolah di Daerah SPU serta 165 pelajar daripada 27 sekolah di Daerah SPT menerima biasiswa pada hari berkaitan.



PROF. Dr. P. Ramasamy bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, guru-guru, para ibu bapa dan pelajar-pelajar pada majlis penyampaian peringkat SPU dan SPT baru-baru ini.



SEBAHAGIAN penerima menunjukkan dokumen berkaitan yang diterima.

## Apa kata mereka?



N. Shanti.

**GURU** Kaunselor di *Methodist Boy School* (MBS), **N. SHANTI**, 53, menyambut baik khabar gembira yang disampaikan apabila terdapat peningkatan pemberian biasiswa oleh pihak Kerajaan Negeri.

Menurutnya, peningkatan jumlah wang pemberian (biasiswa) sememangnya wajar memandangkan masih ramai lagi pelajar di sekolah yang memerlukan bantuan.

"Yang dapat hanya segelintir, masih ramai lagi di sana (sekolah) yang memerlukan bantuan, peningkatan ini amat dialu-alukan.

"Sebenarnya, kita tidak boleh mengharapkan pihak Kerajaan Negeri semata-mata, sebaik-baiknya seperti MBS ada ramai bekas pelajar yang cemerlang harus kembali ke sekolah untuk membantu," jelasnya sambil menasihatkan para penerima biasiswa supaya menggunakan wang tersebut dengan sebaik-baiknya terutamanya bagi tujuan persekolahan dan bukan sebaliknya iaitu untuk menampung permasalahan keluarga.

**BAGI** penerima, **MUHAMAD SYAZWAN MASURI**, 15, dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Hj. Mohd. Noor Ahmad yang ditemani ibunya, **AZIZAH ABD. GHANI**, 52, dari Gelugor sebak dengan pemberian berkenaan.

Azizah yang ditemui wakil Buletin Mutiara bergenang air mata ketika ditanya berhubung perasaan beliau selepas anaknya menerima biasiswa berkenaan pada majlis berkaitan.

- Sila rujuk kepada Surat Perjanjian Jual Beli bagi unit sebenar untuk mendapatkan spesifikasi dan penerangan yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa dan unit sebenar akan dibina dengan sewajarnya.

# EFWC didik pelajar inisiatif asing sisa makanan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**BERAPIT** - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) melancarkan projek pengkomposan sisa makanan menggunakan mesin *Economical Food Waste Composter* (EFWC) di sekolah dalam usaha mengurangkan penghasilan sampah daripada sisa makanan.

Ahli Majlis bagi MPSP, Tan Cheong Heng ketika berucap mewakili Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, projek berkenaan yang dilaksanakan dengan usahasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jalan Damai, Bukit Mertajam adalah bertujuan mendidik para pelajar mengenai inisiatif mengasingkan sisa makanan daripada dibuang ke tapak pelupusan.

"Selain mengurangkan berat sampah ke tapak pelupusan, program ini juga mampu menjadi platform untuk para pelajar menimba ilmu mengenai kaedah memproses sisa makanan menjadi kompos menggunakan mesin EFWC.

"Bagaimanapun, projek ini masih lagi di peringkat percubaan dan pihak sekolah diminta untuk memantau serta mencatat segala maklumat yang diperlukan bagi kajian keberkesanan penggunaannya," katanya semasa melancarkan Projek Pengkomposan dan EFWC dekat SMK Jalan Damai di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Projek Pengkomposan UPSI, Profesor Madya Dr. Che Zalina Zulkifli; Pengetua SMK Jalan Damai, Lee Cheah Kuen; Yang di-Pertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Jalan Damai, Lisa Wong Seew Lee, ketua-ketua jabatan, guru-guru serta para pelajar.

Difahamkan, mesin EWFC berharga RM2,700 disumbangkan oleh Cheong Heng kepada SMK Jalan Damai ekoran komitmen tinggi yang ditunjukkan pihak sekolah sepanjang sembilan tahun menyertai program-program hijau anjuran MPSP.

Justeru, Cheong Heng menzahirkan harapan agar pihak sekolah dapat memberikan kerjasama bagi menjayakan program pengkomposan sisa makanan sekaligus dapat membantu mengurangkan kos pengurusan sampah oleh MPSP yang mencecah kira-kira RM104.8 juta pada tahun lalu.

"Adalah diharapkan supaya warga SMK Jalan Damai dapat mengamalkan sisa sifar, dan seterusnya menjadi contoh kepada sekolah-sekolah lain untuk melaksanakan perkara sama.

"Oleh itu, bagi tahun 2019, satu hadiah khas akan diberikan kepada sekolah-sekolah yang berjaya melaksanakan pengkomposan berterusan dan mencapai sisa sifar," seru beliau.



TAN Cheong Heng (tiga dari kanan) bersama-sama barisan tetamu khas melakukan demonstrasi penggunaan mesin EFWC selepas merasmikan projek pengkomposan di sini baru-baru ini.




RUPA bentuk kompos daripada sisa makanan yang siap diproses.

## Anugerah Sekolah Hijau dorong peningkatan kadar kitar semula Seberang Perai

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA** – Kadar kitar semula dalam kalangan masyarakat di bahagian Seberang Perai didapati semakin meningkat dengan catatan 43.25 peratus tahun 2017 berbanding 22 peratus (2008).

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, kadar tersebut mula menunjukkan peningkatan apabila program Anugerah Sekolah Hijau giat dilaksanakan pihak Majlis dengan kerjasama syarikat Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd..

Beliau berkata, tujuan program tersebut dilaksanakan adalah untuk memberikan pendekatan secara holistik dalam pengurusan alam sekitar dan menggalakkan penambahbaikan secara berterusan.

"Program ini menerapkan pendidikan alam sekitar kepada semua pelajar untuk membina generasi yang mampu menjaga alam sekitar untuk masa hadapan.

"Malah, ia juga memberi pengiktirafan kepada sekolah yang mengurangkan sisa buangan, penjimatan sumber berasaskan satu matlamat iaitu pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar," ujarnya pada Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Sekolah Hijau 2018 Peringkat Seberang Perai di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Ahli-ahli Majlis MPSP, Suhana Kassim (Pengurus Sumber Manusia Continental Automotive Components Sdn. Bhd.) dan wakil-wakil penganjur bersama iaitu Jinko Solar Technology Sdn. Bhd. serta Pekat Solar Sdn. Bhd..

Sebanyak 162 sekolah di sekitar kawasan Seberang Perai mengambil bahagian pada penganjuran berkaitan, dan 92 daripadanya telah disenarai pendekkan untuk penilaian pihak panel.

Setiap sekolah dinilai mengikut beberapa kriteria utama iaitu kecekapan sumber, asli, inovasi dan kreativiti, kebersihan dan penghijauan, penglibatan komuniti serta persembahan.

Sekolah Kebangsaan (SK) Kebun Sireh diumumkan sebagai johan bagi Kategori Sekolah Rendah, manakala Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Berapit, Kategori Sekolah Menengah.

Kemenangan tersebut membolehkan para pemenang masing-masingnya membawa pulang wang tunai RM2,000 berserta hadiah panel solar berkapasiti 4 kilowatt sumbangan syarikat Jinko Solar.

Anugerah emas, perak, gangsa dan anugerah khas turut diberikan kepada sekolah-sekolah yang menepati kriteria utama pemarkahan.




PHEE Boon Poh (lima dari kanan) beramah-mesra dengan barisan pemenang, peserta, wakil-wakil penganjur dan penaja pada Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Sekolah Hijau 2018 Peringkat Seberang Perai di sini baru-baru ini.



# Aktiviti sukan selepas waktu kerja mampu tingkat kecergasan

Oleh : **YUSNINA MOHAMAD YUSOF**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**

**GEORGE TOWN –** Sebanyak 25 pasukan mengambil bahagian dalam penganjuran Kejohanan Badminton Pentadbiran Kerajaan Negeri yang julung kali diadakan dekat Akademi Badminton Pulau Pinang di sini.

Kejohanan anjuran Kelab Kebajikan dan Sukan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama-sama Pejabat Exco Belia dan Sukan berkaitan dirasmikan oleh Exco terbabit, Soon Lip Chee.

Menurutnya, beliau percaya bahawa aktiviti sukan yang dijalankan selepas waktu kerja mampu meningkatkan semangat serta kecergasan para kakitangan lebih-lebih lagi selepas masing-masing menghadapi 'tekanan' di pejabat.

"Program yang diadakan ini bukan sahaja dapat mengekalkan kesihatan, malah sekaligus mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara kakitangan kerajaan.

"Oleh itu, diharapkan agar program ini dapat diteruskan setiap tahun dengan melibatkan semua kakitangan awam dan pada sama mengukuhkan semangat bersukan," ujarnya pada 17 November lalu.

Antara pasukan yang mengambil bahagian adalah daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kesihatan Negeri, Perpustakaan Awam Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia (USM), Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dan ramai lagi.

Pada penganjuran kali ini, pasangan beregu daripada Jabatan Kesihatan Negeri dinobatkan sebagai juara sekaligus membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM400, medal dan piala pusingan, manakala naib johan (USM, RM300 berserta medal).

Berkongsi tempat ketiga adalah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Perpustakaan Awam Pulau Pinang yang mana masing-masing menerima wang tunai berjumlah RM100 berserta medal.



SOON Lip Chee (barisan kedua, tengah) bergambar kenangan bersama-sama barisan penganjur dan para peserta Kejohanan Badminton Pentadbiran Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

## Pulau Pinang sambut baik cadangan pembinaan akademi badminton

**BATU LANCANG -** Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan pembinaan sebuah akademi badminton di negeri ini sebagai inisiatif melahirkan lebih ramai jaguh dalam sukan berkaitan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri sedia bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan bagi merealisasikan sebuah akademi badminton di negeri ini.

"Kita (Kerajaan Negeri) sedia untuk bekerjasama dengan Persatuan Badminton Pulau Pinang (PBA) dan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) demi merealisasikan impian kita semua untuk melihat sebuah akademi badminton berada di Pulau Pinang.

"Tambahan pula, seperti yang semua maklum bahawa Pulau Pinang daripada dahulu hingga sekarang banyak melahirkan jaguh-jaguh badminton seperti Datuk Eddy Choong, Tan Aik Huang serta Tan Aik Mong, Datuk Teh Kew San, Ong Ewe Hock dan Datuk Wira Lee Chong Wei.

"Malah, terbaharu ialah remaja yang mendapat gelaran Juara Olimpik Remaja 2018 iaitu Goh Jin Wei," ucapnya pada Kejohanan Badminton Antarabangsa Victor Malaysia International Series 2018 anjuran PBA dan BAM di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Presiden BAM, Datuk Seri Norza Zakaria; Setiausaha Agung BAM, Datuk Ng Chin Chai dan Presiden PBA, Kah Kau Kiak.

Difahamkan, kejohanan yang berlangsung selama enam hari bermula 6 November lalu disertai kira-kira 237 pemain dari 17 negara.

Dalam pada itu, Norza ketika ditemui merakamkan ucapan terima kasih kepada Ketua Menteri yang menyokong pembinaan akademi badminton di Pulau Pinang.

"Dalam melahirkan lebih ramai jaguh badminton, kita sememangnya perlu sebuah akademi di luar Kuala Lumpur, bahkan saya rasa ianya bukan sahaja memudahkan pemain sekitar Pulau Pinang malah juga di negeri-negeri zon utara.

"Bagi visi pembinaan akademik badminton, satu jawatankuasa khas akan dibentuk bagi membincangkan butiran lanjut," jelas beliau.



# Boulder Valley Glamping, lokasi ekopelancongan terbaru sedia diterokai

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD & *BOULDER VALLEY GLAMPING***

**PELBAGAI** tarikan unik ditawarkan *Boulder Valley Glamping* dekat Teluk Bahang yang baru beroperasi awal bulan ini.

Penulis yang berpeluang menjejakkan kaki ke lokasi berkaitan pada majlis perasmian merasakan bahawa ia antara destinasi sesuai bagi percutian keluarga.

Diinspirasikan daripada perkataan *glamorous* dan *camping*, kawasan berkonsepkan ekopelancongan tersebut dibangunkan di dalam hutan hijau seluas 24 ekar dengan menggabungkan elemen alam semula jadi serta struktur binaan kontemporari.

Selain lokasinya yang agak jauh dari kesibukan kota, *Boulder Valley Glamping* juga menyediakan penginapan ala perkhemahan yang mengujakan dan mampu memberikan pengalaman berbeza kepada para pengunjung.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan bahawa kawasan berkenaan yang dahulunya sepi tanpa sebarang tarikan ekopelancongan kini ditransformasikan membabitkan kos berjumlah RM25 juta.

"Amat menakjubkan apabila syarikat Amazing Discovery Sdn. Bhd. mampu mengekalkan kehijauan di sebalik pemajuan *Boulder Valley Glamping* apabila hanya menggunakan 4.5 peratus sahaja daripada luas keseluruhan kawasan iaitu 24 ekar.

"Ini merupakan satu contoh terbaik bagi konsep pembangunan mampan sepertimana ditekankan Kerajaan Negeri," ujarnya pada Majlis Perasmian *Boulder Valley Glamping* baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian merangkap ADUN Paya Terubong, Yeoh Soon Hin.

Terletak kira-kira 29 kilometer (km) dari pusat bandar, *Boulder Valley Glamping* turut menyediakan pakej lawatan santai tanpa bermalam dengan harga berpatutan.

Bagi maklumat lanjut, layari laman sesawang, *www.bouldervalleyglamping.com.my* atau hubungi talian : 012 490 6882.



**RAKAMAN** dari ruang udara.



**RUANG** dalaman penginapan ala perkhemahan.



**ELEMEN** alam semula jadi yang dikekalkan.



**RUANGAN** dewan untuk penganjuran program.

# Pesta Pulau Pinang produk terbaik sektor pelancongan negeri, kukuh jaringan muhibah



TARIKAN *Euro Park* yang sentiasa memukau para pengunjung terutamanya golongan kanak-kanak.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**PANTAI JEREJAK –** Pesta Pulau Pinang yang merupakan salah satu produk terbaik bagi sektor pelancongan negeri dilihat mampu memperkukuhkan jaringan muhibah, permuafakatan dan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata, penganjuran yang telah memasuki tahun ke-52 itu merupakan acara kemuncak tahunan yang sentiasa digarap agar menawarkan kelainan kepada pengunjung.

"Kelainan ini bukan saja daripada nilai estetika, malahan juga aspek pengisian acara dan program serta kepelbagaian perniagaan, makanan dan hiburan, rekreasi serta sebagainya yang dipercayai dapat memenuhi citarasa semua pengunjung dari dalam mahupun luar negeri.

"Ini dilaksanakan dengan hasrat agar Pesta ini tidak pudar dan sentiasa mempunyai daya penarik.

"Diharap dengan *tagline* 'Jom Pi Pesta', ia mampu mengeratkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk sekaligus terus memangkin perniagaan yang sihat serta berdaya saing," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal.

Hadir menyempurnakan majlis perasmian, Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Law Choo Kiang, Dato' Seri Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri) dan Dato' Sarul Bahiyah Abu (Pegawai Kewangan Negeri) antara tetamu kehormat lain yang turut menyerikan majlis berkaitan.



GEMERLAPAN cahaya lampu LED yang menjadi tarikan utama untuk pengunjung merakam lensa kenangan.

Sebanyak 73 program diatur sepanjang berlangsungnya Pesta Pulau Pinang iaitu dari 24 November sehingga 31 Disember 2018.

Pesta Pulau Pinang tahun ini juga menjanjikan pengalaman memukau dengan hampir keseluruhan kawasan bermandikan cahaya lampu LED pelbagai warna dan bentuk menarik yang pastinya menjadi tumpuan pengunjung untuk merakamkan lensa kenangan.





ANTARA gerai makanan yang menawarkan pelbagai sajian makanan.




DR. Abdul Rahman Abbas dan isteri diiringi Law Choo Kiang (empat dari kiri) dan Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (kiri sekali) pada Majlis Pelancaran Pesta Pulau Pinang 2018 di sini baru-baru ini.

# MPSP aktifkan semula AKRAB bimbing kakitangan realisasi visi dan misi

**SEBERANG JAYA –** Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud mengumumkan inisiatif untuk mengaktifkan semula Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam atau lebih dikenali sebagai AKRAB dalam merealisasikan visi pihak berkuasa tempatan (PBT) itu ke arah bandar rendah karbon dan pintar.



SR. Rozali Mohamud (berkopiah) merakam gambar kenangan bersama-sama barisan kepimpinan MPSP dan para kakitangan sambil menunjukkan plak-plak anugerah dimenangi di sini baru-baru ini.

Menurut Rozali, ciri-ciri diterapkan dalam AKRAB iaitu Amanah, Komitmen, Rasional, Akhlak dan Bestari sejak penubuhannya pada 2016 itu dilihat amat penting dalam membimbing kakitangan berikutan beberapa perubahan dilakukan bagi menjayakan misi serta visi MPSP.

"Kita akan aktifkan semula AKRAB kerana kita sedia maklum apabila MPSP berhasrat menjayakan misi serta visinya.

"Rentetan itu, beberapa perubahan akan berlaku kemungkinan ada dalam kalangan kakitangan yang berasa sedikit tekanan (dengan perubahan), jadi mereka boleh berjumpa dengan Rakan Pembimbing AKRAB.

"Tambahan pula, selaras dengan bajet kita (MPSP) baru-baru ini, bertemakan *people centric* (strategik berfokuskan masyarakat), kita aktifkan semula AKRAB dalam membantu para kakitangan MPSP menyelesaikan sebarang permasalahan.

"(Dan) sekiranya AKRAB tidak mampu selesaikan, barulah kita bawa untuk perhatian pihak pengurusan atasan," ujarnya dalam sidang media sejurus tamat Perhimpunan Korporat MPSP Bilangan 3/2018 dekat Ibu Pejabat MPSP di sini 27 November lalu.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran bagi MPSP, Ir. Rosnani Mahmod, Ahli-ahli Majlis MPSP dan Ketua-ketua Jabatan MPSP.

Dalam pada itu, tambah Rozali, pendekatan AKRAB dilihat lebih berkesan kerana ia lebih bersikap mesra, persahabatan dan mudah.

"Jika pendekatan ini digunakan, ia adalah lebih mudah, misalnya kalau duduk di kafe sekalipun mereka ini boleh membincangkan dan mencari penyelesaian terhadap permasalahan yang dihadapi," jelasnya.

Pada perhimpunan tersebut, Rozali turut menyampaikan beberapa anugerah cemerlang yang diterima MPSP sejak pertengahan tahun sehingga November 2018.

Antaranya, *'Diamond Recognition'* bagi *'Low Carbon City Framework'* (LCCF) daripada *Malaysia Greentech Corporation*; pengiktirafan daripada *Malaysia Book of Records* (MBOR) atas pencapaian *'Largest Golden Penda Tree Planting Events* (5,110 batang pokok); pengiktirafan MBOR di atas pencapaian *'First Organization To Develop Upcycle Park'* dan Johan Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi aplikasi MyMPSP.

# Promosi cukai pintu MPSP hingga 28 Februari

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) melaksanakan promosi bayaran cukai pintu bagi tahun 2019 bermula 1 Disember 2018 dan berakhir pada 28 Februari (2019).

Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, pihaknya menggalakkan pemilik premis untuk membuat bayaran cukai taksiran secara dalam talian *(online)* bagi mengelak kesesakan di kaunter bayaran MPSP.

"Bayaran secara *online* juga lebih mudah, pantas serta menjimatkan masa, kos serta selari dengan visi MPSP untuk menjadi sebuah bandar rendah karbon menjelang 2022.



SUASANA dewan persidangan MPSP.

"Bukan itu sahaja, kita (MPSP) juga menyediakan pelbagai saluran bayaran melalui agensi kutipan yang dilantik bagi memudahkan orang ramai membayar cukai taksiran selain pembayaran di kaunter MPSP," ujarnya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Biasa Majlis dekat Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda di sini 23 November lalu .

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod dan Ahli-ahli Majlis bagi MPSP.

Selain itu, jelas Rozali, pembayar cukai taksiran juga layak dipilih dalam cabutan bertuah bagi tahun 2019 sekiranya menepati kriteria-kriteria ditetapkan pihak MPSP.

"Antaranya, pembayar cukai taksiran mesti membayar keseluruhan cukai setahun bagi tahun 2019 berserta tunggakan sekiranya ada.

"Bayaran cukai juga harus dibuat dalam tempoh ditetapkan iaitu mulai 1 Disember 2018 sehingga 28 Februari 2019 di semua kaunter MPSP, laman sesawang dan ejen-ejen yang dilantik secara sah.

"Manakala, bagi pemilik premis yang telah mendapat pelepasan cukai dan pemilik premis (yang) mempunyai tunggakan adalah tidak layak melainkan mereka menjelaskan tunggakan yang ada," jelasnya.

Difahamkan, sebanyak 60 hadiah disediakan bagi pemenang cabutan bertuah kali ini yang mana 50 (hadiah) adalah untuk Kategori A iaitu pembayaran secara *online* atau ejen kutipan, manakala baki 10 adalah bagi Kategori B, pemilik cukai yang membuat bayaran di kaunter MPSP.

Bayaran secara *online* boleh dibuat melalui 18 saluran antaranya, laman sesawang MPSP di *www.mpsp.gov.my* atau laman sesawang Kerajaan Negeri Pulau Pinang, *https://ebayar.penang.gov.my* dan perbankan internet.

Selain itu, bayaran juga boleh dibuat melalui ejen-ejen kutipan kaunter yang dilantik MPSP iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Bank Rakyat, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Pos Malaysia serta kiosk selain kaunter MPSP di Bandar Perda, Kampung Jawa, Butterworth dan Jawi.

# Permit Sementara Bangunan bagi premis perniagaan Kategori Tidak Berisiko MPSP mulai 2 Januari

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bakal mengeluarkan Permit Sementara Bangunan bagi premis-premis perniagaan Kategori Tidak Berisiko mulai 2 Januari 2019.

Menurut Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud, premis perniagaan tidak berisiko ditakrifkan seperti kedai makan, kedai runcit, kedai gunting rambut dan (premis tidak berisiko) yang telah diiktiraf Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

"Objektif pemberian Permit Sementara Bangunan adalah bertujuan membantu warga Seberang Perai serta peniaga mendapatkan kelulusan permit bangunan serta lesen perniagaan agar ia lebih terkawal.

"Selain itu, ia juga akan memudahkan proses permohonan kelulusan bagi premis perniagaan tidak berisiko dengan menggunakan garis panduan permit sementara ini, maka premis dapat beroperasi dengan sah dan lesen dapat dikeluarkan," ujarnya pada sidang media selepas Mesyuarat Biasa Majlis di sini 23 November lalu.

Justeru, Rozali menyatakan bahawa orang ramai yang mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan tawaran tersebut boleh menghubungi Jabatan Bangunan MPSP di talian 04 - 549 7566 (Nur Hazwani Ramle, Penolong Pengarah Kanan Bangunan MPSP). Borang permohonan, juga boleh didapati dalam talian melalui *http://www.mpsp.gov.my/index.php/ms/borang1/bangunan*.

Dalam perkembangan berbeza, Rozali turut mengumumkan tentang Garis Panduan Pemutihan Kilang-kilang Tanpa Kebenaran di kawasan MPSP yang telah bermula 3 Januari lalu dan bakal tamat pada 2 Januari 2019.

"Sebagai rekod, sebanyak 460 premis kilang tanpa kebenaran direkodkan di Seberang Perai, 75 daripadanya sudah mengemukakan permohonan, sudah mendapat kelulusan (6) dan pemilik memberi maklum balas kepada MPSP untuk kemukakan permohonan (57).

"Tempoh pemutihan ini hanya tinggal lebih kurang satu bulan sahaja lagi, namun terdapat 385 pemilik kilang tanpa kebenaran didapati masih tidak mengambil peluang ini untuk mendapatkan kelulusan bagi aktiviti yang dijalankan mereka.

"Oleh itu, MPSP menasihati semua pemilik kilang tanpa kebenaran supaya mengambil tindakan segera dengan mengemukakan permohonan pelan kemajuan bagi mengelak tindakan penguatkuasaan.

"(Dan) sekiranya terdapat lain-lain kilang tanpa kebenaran sedia ada yang tiada dalam senarai (kilang disenaraikan MPSP), mereka boleh mengemukakan bukti serta dokumen bahawa ia telah dibina sebelum 31 Julai 2017 (syarat), maka kilang-kilang tersebut layak untuk dipertimbangkan di bawah garis panduan ini," jelasnya.

# Salur aduan melalui *WhatsApp* dapat sambutan memberangsangkan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN –** Sejak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) meluncurkan saluran baharu aduan, Hotline Aduan menggunakan aplikasi *WhatsApp* pada 26 Oktober lalu, sambutan orang ramai adalah cukup memberangsangkan.

Datuk Bandar bagi MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang berkata, pihaknya telah menyediakan 15 saluran aduan bagi memudahkan orang ramai berinteraksi secara terus dengan MBPP tanpa sempadan masa dan tempat.

"Antaranya, kita (MBPP) mempunyai saluran aduan seperti e-Aduan, surat-menyurat, emel dan panggilan telefon, tetapi setelah sebulan diluncurkan, saluran aduan menggunakan aplikasi *WhatsApp* ini mendapat respons yang sangat memberangsangkan," ujarnya pada sidang media sejurus mempengerusikan Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 12 dekat Dewan Bandaraya di sini 29 November lalu.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya bagi MBPP, Ir. Addnan Mohd. Razali serta barisan Ahli Majlis MBPP.

Menurut Tung Seang, penyediaan platform baharu itu adalah sejajar dengan perkembangan teknologi dan trend semasa.

"Kami (MBPP) sangat gembira dengan sambutan yang diberikan dan berharap ia akan memudahkan lagi orang ramai untuk berinteraksi secara terus dengan MBPP sama ada menyalurkan aduan mahupun maklumat lain yang ingin dikongsi untuk perhatian pihak kami.

"Selain itu, saya percaya melalui penggunaan aplikasi *WhatsApp* ini juga ia akan mempercepatkan lagi tempoh untuk MBPP bertindak," katanya.

Difahamkan, saluran aduan melalui penggunaan aplikasi *WhatsApp* merupakan kedua paling popular selepas saluran aduan secara elektronik, e-Aduan.

Orang ramai yang ingin berinteraksi secara terus dengan MBPP menggunakan aplikasi *WhatsApp* boleh menghantar maklumat berkaitan berserta gambar dan lokasi ke Hotline Aduan di talian 016 - 200 4082.




**AR. Yew Tung Seang (tengah) sambil ditemani Ir. Addnan Mohd. Razali (kiri) menunjukkan plakad promosi Hotline Aduan menggunakan aplikasi *WhatsApp* pada sidang media di sini baru-baru ini.**

Rumah Contoh Sedia Dikunjungi
MASA: 10.00am - 5.00pm
TEMPAT: 21-1-1, Tingkat Paya Terubong 5, Taman Terubong Indah, 11060 Penang.

PLB Land Sdn. Bhd.
PLB 國雲置地有限公司
A member of PLB ENGINEERING BERHAD
PLB HOMES comfort assured

THE STONE
PROJEK RUMAH MAMPU MILIK
Tower 1 & 2







Keluasan ±1,000 k.p.
Harga RM 359,500 ke atas

019-218 9775/012-406 1633
019-378 7261/012-449 3323

PLB HOMES comfort assured
04-390 0799
012-406 1633 | 019-218 9775
www.plbhomes.com.my

PLB LAND SDN. BHD.
1320, JALAN BARU, TAMAN CHAI LENG, 13700 PRAI, PENANG, MALAYSIA.
FAX: 604-390 0599

PLB-HI Bina Sdn. Bhd. MS ISO 9001:2015 CERT NO: QMS 00905
Gaintrend Sdn. Bhd. MS ISO 9001:2015 CERT NO: AR 2730
PLB Green Construction Sdn. Bhd. MS ISO 9001:2015 CERT No: 013-00011-Q

HAKMILIK KEKAL
永久地契

No. Lesen Pemaju Perumahan: 8139-3/01-2020/29(L) | Tempoh Sah: 10/01/2018-09/01/2020
No. Permit Iklan dan Jualan: 8139-3/01-2020/29(P) | Tempoh Sah: 10/01/2018-09/01/2020
Pelan Bangunan Diluluskan Oleh: Majlis Bandaraya Pulau Pinang | No. Pelan: MPPP/OSC/PB(7671)/15(LB)
Jenis Tanah: Hakmilik Kekal | Bilangan Unit: 1000 units | Tahun Jangka Siap: Feb 2022
Land Encumbrance: RHB Bank Berhad

# Program Khatan Perdana harap ringan beban keluarga kurang mampu

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BAYAN LEPAS –** Seramai 100 kanak-kanak menyertai Program Khatan Perdana 2018 anjuran Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Bayan Lepas di sini.

Program yang bermula seawal 8 pagi tersebut adalah membabitkan kanak-kanak terpilih daripada keluarga B40 Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) berkenaan.



**AZRUL Mahathir Aziz (berkemeja putih) beramah-mesra dengan kanak-kanak pada Program Khatan Perdana 2018 di sini baru-baru ini.**

Majlis perasmian program yang diadakan pada 1 Disember lalu itu disempurnakan ADUNnya, Azrul Mahathir Aziz di Masjid Makbul, Teluk Kumbar.

"Program Khatan Perdana percuma ini dah lama saya buat iaitu sejak saya menyandang jawatan sebagai Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Bayan Lepas, dan tahun ini ia adalah lebih manis serta bermakna berikutan merupakan tahun pertama saya menganjurkannya sebagai ADUN kawasan.

"Menerusi penganjuran ini, saya harap sedikit-sebanyak mampu meringankan beban ibu bapa yang kurang berkemampuan kerana kita maklum bahawa harga berkhatan paling minimum pun RM120 hingga mencecah RM250 kini," ujarnya kepada Buletin Mutiara.



**GELAGAT kanak-kanak ketika 'dimandikan'.**

Hadir sama, Pengerusi Masjid Makbul, Datuk Prof. Idiris Salleh.

Upacara khatan dimulakan dengan perarakan konvoi membawa kanak-kanak menaiki lori mengelilingi kampung sambil diiringi paluan kompang ke perkarangan masjid.

Sejurus tiba, bagi mengurangkan 'debaran', para peserta dimandikan menggunakan pancuran pili dari pasukan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Bomba).

# Anjur program CSR tukar lampu motosikal demi keselamatan awam

**BAGAN JERMAL -** Petronas Wilayah Utara Semenanjung Malaysia menganjurkan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan membekalkan 1,000 unit lampu belakang motosikal untuk tukar ganti baharu kepada para penunggang yang mengunjungi stesen minyak tersebut dekat Jalan Raja Uda di sini 25 November lalu.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal hadir merasmikan program tersebut.

"Melalui kempen tukar ganti lampu belakang ini, diharap ia akan memberi lebih kesedaran kepada penunggang motosikal agar selalu memastikan lampu motosikal senantiasa berfungsi.



**SOON Lip Chee (tiga dari kanan) memerhatikan proses pemasangan lampu belakang motosikal bersempena penganjuran program CSR berkaitan di sini baru-baru ini.**

"Kalau lampu belakang motosikal 'terbakar', cepat tukar supaya anda boleh dilihat oleh kenderaan lain," jelasnya pada penganjuran berkaitan.

Pengurus Cawangan Stesen Minyak Petronas Jalan Raja Uda, Azri Firdaus menyatakan bahawa sebenarnya Petronas sejak beberapa tahun lepas melaksanakan pelbagai program CSR demi meningkatkan kesedaran mengenai peri penting gaya hidup selamat dalam kalangan pengguna jalan raya.

Tambahnya, Petronas turut melaksanakan program CSR seumpama berkaitan dengan kerjasama langsung bersama-sama pihak polis, pihak berkuasa tempatan (PBT), wakil rakyat hatta melibatkan pentadbir sekolah.

# Pelajar terpilih terima bantuan pakaian seragam sekolah

**SERI DELIMA –** Seramai 350 murid sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah terpilih dari Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seri Delima menerima bantuan pakaian seragam sekolah di sini.

Penyampaian tersebut disempurnakan dalam Majlis Penyerahan Pakaian Seragam Sekolah yang diadakan di Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Bukit Gelugor pada 1 Disember lalu.

Program anjuran Pusat Khidmat Dewan Seri Undangan (DUN) Seri Delima bersama-sama JKKK setempat itu dihadiri kira-kira 500 hadirin yang terdiri daripada penerima berserta waris.

"Antara JKKK terlibat adalah JKKK Bukit Gelugor, JKKK Greenlane Heights, JKKK Island Glades, JKKK Lengkok Bawah, JKKK Jalan Aquarium serta JKKK Island Park.

"Setiap penerima masing-masing menerima baucar tunai bagi membolehkan mereka membeli pakaian seragam sekolah di kedai terpilih," kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid kepada Buletin Mutiara.

Difahamkan, para pelajar berkaitan turut menerima kalendar tahun 2019 edisi istimewa.

Dalam pada itu, dalam program berasingan, Syerleena turut mengagihkan 5,000 unit kalendar 2019 khas buat penduduk di KADUN Seri Delima.

"Edaran dibuat di kawasan perumahan, pasar malam serta kedai kopi sekitar Seri Delima yang merupakan antara kawasan tumpuan umum.

"(Dan) program ini merupakan salah satu inisiatif Pusat Khidmat saya demi kemudahan penduduk di KADUN Seri Delima," jelasnya yang turut mengambil berat akan kebajikan rakyat di sini.

# Bengkel lukisan kartun cungkil bakat si cilik

Teks & Gambar : **SUNARTI YUSOFF**

**BAGAN DALAM –** Seramai 25 kanak-kanak mengambil bahagian dalam bengkel lukisan kartun *(Cartoon Workshop)* anjuran Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam.

Bengkel berkenaan merupakan salah satu pengisian di bawah pelan Butterworth Baharu bagi menghidupkan kembali Butterworth sebagai bandar seni dan berinovatif.

ADUN Bagan Dalam, M. Satees berkata, tujuan penganjuran bengkel berkenaan adalah untuk mencungkil bakat terpendam dalam kalangan kanak-kanak sejak dari awal.

"Biasanya, ibu bapa akan minta anak-anak untuk dapatkan lebih banyak 'A', tapi selain jumlah 'A', bakat lain juga seperti dalam seni lukis, muzik, sukan dan sebagainya harus dicungkil.

"Sebab itu, ibu bapa dinasihatkan untuk tidak terlalu mengongkong anak-anak, sebaliknya perlu memberi ruang kepada mereka untuk menunjukkan bakat lain yang masih terpendam.

"Justeru, bengkel yang dianjurkan boleh dijadikan sebagai platform awal untuk si cilik menyerlahkan bakat masing-masing.

"Bengkel melukis kartun hanya permulaan kerana pada tahun 2019, akan ada lebih banyak bengkel dianjurkan yang memerlukan sokongan padu daripada ibu bapa," katanya semasa penyampaian sijil sempena Majlis Graduasi Bengkel Melukis Kartun dekat Section C, Jalan Bagan Luar, di sini 1 Disember lalu.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), David Marshel, Jason Raj dan K. Kumaresan; Pengurus Besar C-Section Creative Community Centre, Zaini Zainul; pengendali program, Minqi Cheah serta para ibu bapa.

Difahamkan, pelukis karikatur terkenal Azmi Hussin diberi tanggungjawab selaku tenaga pengajar bagi program berkenaan yang berjalan selama empat minggu.




**M. Satees (barisan terakhir, dua dari kanan) merakam gambar kenangan dengar barisan peserta pada Majlis Graduasi Bengkel Melukis Kartun di sini baru-baru ini.**

## Tambah baik Astaka Taman Tun Sardon demi keselesaan pengunjung

**SERI DELIMA –** Astaka Taman Tun Sardon yang terletak di sini bakal ditambah baik demi menyediakan kemudahan yang lebih selesa, ceria dan bersih kepada para pengunjung.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid berkata, sebanyak 100 kerusi dan 30 meja baharu diserahkan kepada peniaga-peniaga astaka berkenaan.

"Seperti yang kita ketahui, Astaka Taman Tun Sardon ini amat popular berikutan ia menjadi lokasi ideal untuk menjamu selera.

"Justeru, beberapa pelan telah dirancang termasuk melaksanakan penambahbaikan seperti menaik taraf bumbung serta mengindahkan kawasan persekitaran," katanya ketika ditemui sejurus majlis penyerahan meja dan kerusi kepada peniaga berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandarya Pulau Pinang (MBPP), C. Vino Dini; Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Bukit Gelugor, Mohd. Hafiz serta wakil Persatuan Peniaga Pasar Taman Tun Sardon.

Menurut Syerleena, Astaka Taman Tun Sardon bakal diserahkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri kepada MBPP.

"Tahun hadapan (2019), astaka berkenaan akan diserahkan kepada MBPP bagi memudahkan operasi dan penyelenggaraannya.

"Walau bagaimanapun, sebelum penyerahan, penambahbaikan perlu dilakukan terlebih dahulu," jelasnya.

Dalam perkembangan lain, Syerleena menyatakan bahawa pihaknya memandang serius akan pelekat pinjaman kewangan yang terdapat di tiang-tiang lampu sekitar negeri ini.

"Oleh demikian, saya berharap pihak MBPP dapat mengambil tindakan tegas serta memohon agar orang ramai memainkan peranan dengan memaklumkan kepada pihak berkuasa bagi membanteras perbuatan ini," tegasnya.



**SYERLEENA Abdul Rashid (tiga dari kanan) bersalaman dengan salah seorang penerima pada majlis penyerahan meja dan kerusi kepada para peniaga di sini baru-baru ini.**

## Bantuan persekolahan harap bantu persiapan

**JAWI –** Seramai 150 murid terpilih daripada lima sekolah sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Jawi menerima sumbangan bantuan persekolahan berupa baucar tunai yang ditaja oleh NationGate (M) Sdn. Bhd..

Sumbangan bernilai RM50 setiap seorang itu merupakan sebahagian program kemasyarakatan yang dijayakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, H'ng Mooi Lye.

Ketika dihubungi, Mooi Lye berkata, program tersebut bertujuan memberi galakan dan semangat kepada golongan kurang bernasib baik untuk belajar dengan lebih tekun.

"Murid-murid berkenaan dikenal pasti dan mereka yang layak sahaja dipilih untuk menerima sumbangan.

"Saya berharap sumbangan berkenaan sekurang-kurangnya dapat membantu persiapan persekolahan murid-murid ini," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Difahamkan, baucar tersebut boleh ditunaikan di kedai terpilih dekat Nibong Tebal untuk membeli sama ada pakaian seragam sekolah, kasut, sarung kaki atau beg sekolah mengikut keperluan masing-masing.

Lima sekolah terpilih adalah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ladang Changkat, SJKT Ladang Byram, SJKT Ladang Krian, SJKT Ladang Jawi dan SJKT Nibong Tebal.



**H'NG Mooi Lye (depan, berkemeja putih) merakam gambar kenangan bersama-sama pelajar dan guru-guru pada majlis sumbangan bantuan persekolahan di sini baru-baru ini.**


• TEPAT • TERKINI • BENAR
BULETIN MUTIARA
naskah penerbitan
Kerajaan Negeri
Pulau Pinang
PERCUMA
முத்துச் செய்திகள்
珍珠快讯
Grand opening of APMG pg 15
BULETIN MUTIARA
PERCUMA
Menjelang SUKMA Perak
Selamat Hari MALAYSIA
Penang2030
bergantung kepada penglibatan, semangat rakyat Pulau Pinang
PENANG 2030
components moving forward
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@ChowKonYeow
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon: 04-650 5468 ; Fax: 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com